

**Membersihkan Salah Faham
Terhadap Dakwah
Syaikh Muhammad bin Abdul
Wahhab
(Buku 4)**

Oleh
Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-
Lathif

Judul Asal:

دعاوى المناوئين لدعوة الشيخ محمد بن عبد الوهّاب

Pengarang:

عبد العزيز بن محمد بن علي العبد اللطيف

Judul Edisi Terjemahan:

**Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah
Syaiikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Buku 4)**

Penterjemah:

Mohammad Amin Yaacob

Cetakan Pertama: 2008

© **Mohammad Amin Yaacob**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605. Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

Kandungan

Bahagian Kelima:

Membersihkan Salah Faham Berkenaan
Pengharaman *al-Tawassul*. 5

Bahagian Keenam:

Membersihkan Salah Faham Berkenaan
Larangan Memohon Syafaat kepada Nabi. 89

Bahagian Kelima:

Membersihkan Salah Faham Berkenaan Pengharaman *al-Tawassul*

Majoriti golongan penentang dakwah *al-Salafiyyah* mendakwa al-Syeikh al-Imam, pengikut serta pendokong dakwahnya mengharamkan perbuatan *al-tawassul*. Dalam konteks ini, para penentang mengharuskan perbuatan bertawassul kepada orang yang sudah mati sebagaimana mereka mengharuskannya kepada orang yang hidup. Tiada perbezaan antara keduanya.

Betapa penting serta serius dakwaan ini disebabkan para penentang menjadikan lafaz "*al-tawassul*" sebagai pengharusan terhadap sebahagian perbuatan syirik serta kekufuran. Antaranya *beristigoshah* (memohon pertolongan dalam suasana kesempitan) kepada orang yang sudah mati serta *beristi'annah* (meminta perlindungan) kepada mereka bagi memperolehi hajat serta menghilangkan dukacita. Golongan yang jahil ini mendakwa tiada perbezaan makna antara lafaz *al-tawassul* dengan *al-istigoshah* sehingga mencampuradukkan makna keduanya.

Oleh kerana wujud kepelbagaian ungkapan golongan penentang berhubung perkara ini, ia dihadkan menerusi penelitian terhadap dua elemen seperti berikut:

Elemen pertama

Golongan penentang mengharuskan ***bertawassul kepada dzat makhluk*** sama ada yang hidup mahupun yang sudah mati. Diketahui umum, semulia-mulia dzat makhluk ialah Nabi kita Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Di mana pengharusan *bertawassul* kepada baginda ini ketika hayatnya, setelah kewafatannya, di hari pembalasan kelak bahkan sebelum kewujudan baginda lagi. Selain itu diharuskan bersumpah kepada Allah menerusi kedudukan atau kemuliaan baginda. Oleh yang demikian, sebagaimana dipermuliakan golongan yang *bertawassul* dengan amal salih, bertambah dipermuliakan lagi kepada sesiapa yang *bertawassul* dengan dzat tokoh-tokoh terkemuka.

Elemen kedua

Golongan penentang mengharuskan *bertawassul* kepada yang hidup mahupun yang sudah mati. Tiada perbezaan antara keduanya. Ini kerana orang yang hidup serta mati kedua-duanya tidak dapat memberi bekas. Secara hakiki Allah sahaja yang memberi bekas serta Pembuatnya. Selain itu, orang yang sudah mati hidup di dalam kubur sebagaimana mereka hidup sebelum matinya. Ketika mengharuskan *bertawassul* kepada orang yang hidup serta yang sudah mati, golongan penentang tidak membezakan maksud *al-tawassul*, *al-istigoshah* dengan *al-iltija'* (memohon perlindungan).

Sehubungan ini, kami memaparkan kenyataan para penentang sebagaimana termaktub di dalam hasil penulisan mereka berpandukan dua elemen di atas. Ia dimulai dengan menyatakan perbincangan elemen pertama seperti berikut:

- **Ibn 'Afaliq.**

Ketika mendakwa pengharusan bertawassul kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah kewafatan baginda, dia menyatakan:

Kamu mengingkari secara mutlak bertawassul serta meminta syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ini merupakan bentuk penghinaan yang kamu lakukan. Ia kenyataan yang membezakan antara kami dengan kamu. Sekiranya kamu mengetahui pengharusan melakukannya ketika baginda masih hidup mengapa kamu menolak setelah kewafatannya? Di manakah bukti sandaran kamu? Perkara mana yang mengugurkan keagungan *Jah* (kedudukan) baginda setelah kewafatannya?¹

- **Muhammad Sulayman Kurdi.**

Ketika menetapkan hukum bertawassul dengan para *anbiya'* serta orang yang salih, dia berkata:

¹ *Risalah Ibn 'Afaliq ila Ibn Mu'ammara*, helaian 43.

Adapun *bertawassul* dengan para *anbiya'* serta orang salih merupakan perbuatan yang dikasihi. Ia sabit di dalam hadith-hadith sahih serta selainnya. Oleh yang demikian ramai kalangan mereka melakukannya. Di mana dalil terhadap perkara ini memerlukan penjelasan panjang lebar. Bahkan ternyata menerusi hadith-hadith sahih *bertawassul* dengan amal salih merupakan suatu yang dipermuliakan. Apatah lagi jika *bertawassul* dengan dzat golongan terkemuka. Sudah tentu ia sesuatu yang lebih dipermuliakan lagi.²

- **'Umar al-Mahbub.**

Ketika menyatakan beberapa bukti bagi memperkukuhkan dakwaannya berkenaan pengharusan *bertawassul* dengan dzat makhluk, dia berkata:

Secara realiti *bertawassul* dengan makhluk merupakan suatu yang disyariatkan. Tiada larangan mahupun tegahan di dalam al-Sunnah melakukannya. Wujud kepelbagaian hadith mulia yang menyatakan perkara ini. Sudah mencukupi jika bersandarkan kepada perbuatan *bertawassul* di kalangan para sahabat serta tabi'in ketika zaman *amir al-Mukminin* khalifah 'Umar al-Khattab. Di mana mereka memohon diturunkan hujan

² *Qurroh al-'Ain bi Fatawa Ulama' al-Haramayn*, cetakan pertama, al-Maktaah al-Tijariyah, Mesir, 1357H, hlm. 259.

menerusi perantaraan 'Abbas.³

- **al-Haddad.**

Dia berkata seperti berikut:

Sabit di dalam hadith-hadith sahih *bertawassul* kepada para *anbiya'* serta orang salih merupakan perbuatan yang dikasihi. Oleh yang demikian ramai kalangan mereka yang melakukannya. Di mana dalil terhadap perkara ini memerlukan penjelasan panjang lebar.⁴

- **Isma'il al-Tamimi.**

Dia mengharuskan *bertawassul* dengan dzat makhluk. Dia turut mendakwa keharusan *bertawassul* dengan dzat *al-mustafa sallallahu 'alayhi wa sallam* merupakan suatu yang disepakati umat. Dia berkata:

Diharuskan *bertawassul* dengan amal salih di mana ia merupakan perbuatan mulia. Begitu juga diharuskan *bertawassul* dengan dzat tokoh-tokoh terkemuka selepas mereka mati. Ia suatu yang dipermuliakan serta terlebih utama dilakukan.⁵

³ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 5.

⁴ *Misbah al-Anam*, hlm. 85.

⁵ *al-Manh al-Ilahiyah fi Tomas al-Dolalah al-Wahabiyyah*, helaian 39.

Dia menambah:

Secara hakiki ber*tawassul* dengan Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* merupakan perkara yang disepakati tanpa *khilaf*. Adapun ber*tawassul* kepada tokoh-tokoh terkemuka lainnya ramai yang berpendapat mengharuskannya.⁶

- **'Abd. al-Rauf bin Muhammad bin 'Abd. Allah.**

Ketika mengharuskan bersumpah (*al-Aqsam*) kepada Allah menerusi kedudukan tokoh-tokoh terkemuka, dia berkata:

Bersumpah kepada Allah menerusi kedudukan tokoh-tokoh terkemuka bukan merupakan bentuk sumpah selain kepada Allah sehingga dihukumkan haram melakukannya. Sesiapa menghukumkan perkara ini sebagai haram sudah semesti baginya mengemukakan dalil spesifik pengharamannya.⁷

- **al-Najafi.**

Ketika mengharuskan ber*tawassul* dengan perantaraan segala jenis kemuliaan, dia berkata:

⁶ *al-Manh al-Ilahiyah fi Tomas al-Dolalah al-Wahabiyah*, helaian 44, secara ringkas.

⁷ *Fasl al-Khitab*, helaian 43.

Adapun *bertawassul* kepada Allah menerusi keagungan al-Qur'an, seorang Nabi, seorang salih, atau kepada sesebuah tempat suci atau selainnya, maka tidak mengapa melakukannya. Bahkan ia terlebih utama serta terlebih mulia dilakukan.⁸

- **Ahmad Zaini Dahlan.**

Dia mengharuskan *bertawassul* dengan dzat Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* selepas kewafatan baginda. Dalam konteks ini beliau bersandarkan kepada periwayatan al-Tabrani dan al-Baihaqi. Ia berkait suatu peristiwa seorang lelaki menziarahi saidina 'Uthman *radiyallahu 'anh* ketika beliau menjadi khalifah. Ia bagi memohon sesuatu hajat. Namun permintaan beliau tidak ditunaikan khalifah. Lelaki tersebut lantas mengadu kepada Uthman bin Hunayf. Beliau menasihatinya supaya mengambil wudu', menunaikan solat 2 rakaat di masjid lalu berdoa sambil memohon hajat seperti berikut:

"Ya Allah, daku memohon serta bertawajjuh kepadamu dengan Nabi kami Muhammad, Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad daku bertawajjuh kepada Tuhanmu denganmu supaya diperkenankan hajatku."

Lelaki itu melakukan suruhan Uthman bin Hunayf.

⁸ *Minhaj al-Sadad Li Man Arada al-Rasyad*, hlm. 47.

Selepas melakukannya beliau menuju ke tempat kediaman saidina 'Uthman *radiyallahu 'anh*. Melihat sahaja lelaki tersebut, pembantu rumah khalifah terus memegang tangannya lalu membawanya menghadap khalifah. Saidina 'Uthman *radiyallahu 'anh* mendudukkan lelaki itu di sisinya serta bertanyakan hajat keperluan. Beliau memberitahunya lantas khalifah memperkenankannya.

Sehubungan kisah ini, Dahlan berkomentar: "Ini merupakan *al-tawassul* serta seruan setelah kewafatan Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*.⁹

Dahlan seterusnya mengemukakan bukti berdasarkan kisah berikut. Ia berkait hadith bertawassul Nabi Adam *'alayh al-salam* kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah baginda melakukan kesalahan. Di mana Nabi Adam *'alayh al-salam* memohon kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti berikut:

"Wahai Tuhanku! Daku memohon kepada-Mu dengan hak Muhammad supaya Dikau mengampuni kesalahanku." Natijahnya, Tuhan mengampuni kesalahan Adam *'alayh al-salam*. Sehubungan kisah ini, Dahlan berkomentar: "Ini merupakan dalil keharusan bertawassul kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* sebelum kewujudan baginda."¹⁰

Dahlan turut mengemukakan bukti keharusan

⁹ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah*, hlm. 8-9.

¹⁰ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah*, hlm. 8-9.

bertawassul kepada para *anbiya'* menerusi doa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap bonda angkat baginda Fatimah binti Asad *radiyallahu 'anha* yang meninggal dunia. Ia bermaksud seperti berikut:

“Ya Allah, ...Ampuni ibuku Fatimah binti Asad, perluaskanlah kuburnya dengan hak Nabi Engkau serta hak para *anbiya'* sebelum daku.”¹¹

- **Muhammad bin Muhammad al-Qadiri.**

Ketika mengadakan kedustaan terhadap al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud menyangkut permasalahan bertawassul, dia berkata seperti berikut:

Kenyataan beliau tidak harus ber*tawassul* dengan para *anbiya'* serta wali Allah merupakan pembohongan beliau sahaja. Sudah terang lagi bersuluh bukti yang dikemukakan pemimpin empat mazhab di atas keharusan ber*tawassul* terhadap golongan terkemuka.¹²

- **al-Kasam.**

Dia mendakwa pengharusan bersumpah ke atas Allah menerusi Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Dia

¹¹ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 8-9.

¹² *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, helaian 7.

berkata:

Diharuskan bersumpah kepada Allah secara khusus menerusi diri baginda. Ia merupakan kurniaan yang bersifat *al-laduniyyah*. Berkata Ibn 'Abd. al-Salam: Ia semestinya dihadkan kepada diri Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* sahaja. Namun sebahagian golongan menyalahi perkara ini dengan bersumpah kepada Allah Ta'ala menerusi para *anbiya'*lainnya.¹³

- **al-Dijwi.**

Dia menyatakan bertawassul menerusi dzat orang salih merupakan *al-tawassul* kepada amal salih yang mereka lakukan. Dia berkata dengan ditujukan kepada golongan wahabi:

Mengapa kamu tidak menjadikan bertawassul kepada seorang wali atau seorang Nabi sebagai bentuk *al-tawassul* dengan amal salihnya? Sekiranya kamu bertawassul kepada seorang wali yang dekat hubungannya kepada Allah, tidakkah mendekatkan diri kepada Allah menerusi orang yang dikasihinya, merupakan suatu bentuk amal salih? Di mana permohonan kepada Allah menerusi amal salih merupakan perkara yang disepakati keharusannya sama ada kalangan kami

¹³ Penterjemah: Pengarang tertinggal sumber ambilannya.

mahupun kamu.¹⁴

- **al-'Amili.**

Ketika mengharuskan bersumpah kepada Allah menerusi setiap orang salih dengan beranggapan ia bentuk *al-tawassul* yang dituntut, dia berkata:

Bersumpah kepada Allah menerusi seorang Nabi, wali, hamba salih, amal salih atau selainnya merupakan kategori kepada *al-tawassul*. Ia merupakan perbuatan yang dikasihi Allah. Di mana Allah mengasihi para hamba yang bertawassul kepadanya menerusi pelbagai jalan ini.¹⁵

- **al-Tabataba'ie.**

Dia mendakwa hukum bertawassul kepada orang yang sudah mati menyamai bertawassul kepada orang yang hidup. Dia berkata:

Bertawassul kepada orang yang sudah mati menyamai bertawassul kepada orang yang hidup. Dipohon kepada mereka penunaian hajat menerusi perantaraan doa mereka kepada Allah. Sekiranya ia diharuskan ketika mereka masih hidup, ia tetap diharuskan apabila mereka

¹⁴ Majalah *Nur al-Islam*, Jil. 2, *Maqal al-Tawassul wa Juhlah al-Wahabiyyin*, hlm. 114-115.

¹⁵ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 229.

meninggal dunia.¹⁶

- **al-Syathi.**

Dia menyatakan beberapa ayat al-Qur'an bagi dakwaan pengharusan bertawassul kepada orang yang sudah mati. Ia seperti berikut:

Pertama: Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. [al-Nisa' 4:64]

Kedua: Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya supaya kamu beroleh kejayaan. [al-Ma'idah 5:35]¹⁷

- **Huzbik.**

Ketika menghimpunkan dakwaan golongan penentang, dia berkata:

¹⁶ *al-Barahin al-Jaliyah*, hlm. 27 secara ringkas.

¹⁷ *al-Qawl al-Syar'iyah*, hlm. 107.

Secara kesimpulan, kenyataan mazhab *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* mengizinkan perbuatan *bertawassul*. Ia mengharuskan *bertawassul* dengan Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* sama ada ketika baginda masih hidup mahupun setelah kewafatannya. Begitu juga terhadap para *anbiya'* selain baginda, para ulama', serta orang salihin. Ia sebagaimana termaktub menerusi hadith-hadith *mutawatir*.¹⁸

- **al-Sami.**

Dia sebagaimana golongan sebelumnya mengharuskan *bertawassul* kepada para *anbiya'* serta orang salihin. Da menjadikannya suatu yang dituntut. Dia berkata:

Secara realiti, *bertawassul* kepada para *anbiya'* serta orang salihin sesuatu yang diharuskan. Bahkan ia dituntut serta dikehendaki.¹⁹

- **al-Jabali.**

Dia mendakwa *bertawassul* dengan *Jah* (kedudukan) merupakan pintu kepada keberkatan (*al-Tabarruk*). Dia berkata seperti berikut:

¹⁸ *al-Maqalat al-Wafiyah*, hlm. 199.

¹⁹ *Risalah al-Sanayyiin fi al-Radd 'ala al-Mubtadi'in al-Wahabiyyin*, hlm. 20, secara ringkas.

Tidaklah *bertawassul* kepada Tuhan menerusi *Jah* (kedudukan) mereka di mana mereka boleh memperkenankan hajat. Ia hanya suatu bentuk *bertabarruk* (mengambil keberkatan) kepada golongan yang dimuliakan serta diberi kedudukan oleh Allah.²⁰

- **al-Maliki.**

Ketika mentafsirkan firman Allah yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya* [al-Ma'idah 5:35], dia berkata:

Lafaz '*wasilah*' menerusi ayat ini berbentuk umum. Ia menjadi lengkap apabila merujuk kepada *al-tawassul* dengan dzat tokoh-tokoh terkemuka kalangan para *anbiya'* mahupun orang salihin. Ia sama ada ketika mereka masih hidup mahupun sesudah meninggal dunia.²¹

Ternyata menerusi keterangan golongan penentang terhadap dakwah *al-Salafiyyah*, mereka berpandangan seperti berikut:

1. Pengharusan *bertawassul* yang dikategorikan sebagai *al-tawassul* bid'ah yang dilarang agama

²⁰ Majalah *Nur al-Islam*, Jil. 1, hlm. 646, *Maqal al-Tawassul wa al-Istigoshah*.

²¹ *Safahim Yajibu 'an Tasihhu*, hlm. 45.

Islam.

2. Pengharusan *bertawassul* dengan dzat makhluk sama ada mereka hidup dan setelah mereka meninggal dunia.
3. Pengharusan *bertawassul* dengan *Jah* (kedudukan) para wali Allah.
4. Pengharusan bersumpah kepada Allah menerusi orang salihin atau tokoh-tokoh terkemuka.

Seterusnya kami memaparkan kenyataan para penentang terhadap elemen kedua. Ia seperti berikut:

- **al-Qabbani.**

Dia mendakwa tiada perbezaan antara lafaz *al-tawassul* dengan lafaz *al-istigoshah* serta lafaz *al-tashaffu'* (memohon syafaat). Dia berkata:

Diharuskan *bertawassul*, memohon syafaat serta *beristigoshah* dengan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta para *anbiya'* lainnya dan *awliya'* Allah. Tiada perbezaan makna antara *al-tawassul*, *al-istigoshah*, *al-tashaffu'* mahupun *al-tawajjuh* (mengadap) dengan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bagi memohon hajat.²²

al-Qabbani tatkala menyatakan persamaan

²² *Fasl al-Khitob*, helaian 19.

(synonym) antara makna *al-istigoshah* dengan *al-tawassul* berkata:

Secara hakiki Allah sahaja yang memberi pertolongan. Manakala Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* bertindak sebagai perantara serta penyebab antara Allah dengan para pemohon.²³

- **Pengarang kitab *Izhaq al-Batil*.**

Dia turut berpendapat tiada perbezaan makna antara lafaz *al-tawassul* dengan lafaz *al-istigoshah* serta lafaz *al-tashaffu'* (memohon syafaat) dengan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia selagi mana para *pentawassul* atau pemohon meyakini hanya Allah sebagai Pengurus (*al-mutasorrif*) kepada segala urusan. Dia berkata:

Tiada perbezaan makna antara lafaz *al-istigoshah*, *al-tawassul*, *al-tashaffu'* (memohon syafaat) mahupun *al-tawajjuh* (mengadap) dengan Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ini sebagaimana dinyatakan di dalam kitab-kitab seperti *Tahqiq al-Nusrah*, *Misbah al-Zullam* serta *al-Mawahib al-Laduniyyah* karangan al-Qastalani. Ia boleh dilakukan sama ada sebelum atau selepas kejadian baginda, selepas kewafatan baginda di alam

²³ *Fasl al-Khitob*, helaian 28.

barzakh mahupun di perhimpunan hari kiamat kelak.²⁴

Dia menambah:

Tidak patut bagi sesiapaupun meragui keharusannya. Ini selagi mana seseorang itu meyakini Allah sebagai Penyembuh serta Penghilang segala bahaya. Dan segala urusan kembali kepada-Nya jua.²⁵

Sekiranya seorang yang bertawassul atau memohon kepada selain Allah meyakini Allah sahaja sebagai Pengurus segala sesuatu secara hakiki, manakala selain-Nya tidak memiliki kuasa mendatangkan bahaya serta manfaat atau menunaikan hajat, maka tidak mengapa ia bertawajjuh kepada selain Allah di kalangan golongan yang dekat di sisi-Nya.²⁶

Ternyata di sini pengarang *Izhaq al-Batil* mengharuskan bertawassul serta beristigoshah kepada orang yang sudah mati. Ini selagi mana orang yang bertawassul atau pemohon kepada orang yang sudah mati meyakini Allah sahaja Pengurus (*al-Mutasorrif*) kepada segala sesuatu.

²⁴ *Izhaq al-Batil Li Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdani*, helaian 62.

²⁵ *Izhaq al-Batil Li Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdani*, helaian 72

²⁶ *Izhaq al-Batil Li Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdani*, helaian 75.

- **Muhsin bin 'Abd. al-Karim.**

Dia menetapkan maksud bertawassul sebagaimana golongan penentang terdahulu:

Individu yang bertawassul kepada seorang Nabi atau wali tidak meyakini Nabi atau wali dapat melakukan apa yang dia kehendaki atau dapat menghilangkan kemudatan dengan perbuatan Nabi atau wali itu sendiri. Ini sekiranya tanpa keizinan Allah yang secara hakiki Pelaku kepada perkara tersebut. Dalam konteks ini, dia hanya menjadikan Nabi atau wali sebagai perantaraan (*wasilah*) antaranya dengan Allah jua.²⁷

- **Dawud bin Jurjis.**

Dia mengutuk sesiapa yang berasa hairan terhadap golongan yang bertawassul serta memohon kepada orang yang sudah mati sebagai sebab bagi memperolehi hajat. Dia mengharuskan perbuatan ini selagi mana golongan ini mengiktiraf Allah sebagai Pelaku yang hakiki. Dia berkata:

Bagaimana boleh berasa hairan terhadap golongan yang menjadikan orang yang sudah mati sebagai tempat bertawassul serta menyatakan permohonan kepada Allah menerusi doa mereka kepada Allah (di alam barzakh -penterjemah)?

Sekiranya seseorang itu menggunakan

²⁷ *al-Lufhat al-Wajd 'an Fi'lat ahl Najd*, helaian 67.

perantaraan orang yang sudah mati yang secara realiti keadaan mereka setelah meninggal dunia sama sepertimana di atas dunia bagaimana ia boleh dicela, dikritik bahkan sampai mengkufurkannya?

Individu yang melakukan demikian masih meyakini Allah yang Maha Esa sahaja yang memberi bekas. Secara hakiki, ia hanya menjadikan ahli kubur di kalangan *anbiya'* serta wali Allah sebagai sebab serta jalan usaha ikhtiar sahaja.²⁸

Dawud ketika mendakwa para salihin setelah kewafatan mereka hidup di alam kubur sebagaimana di atas dunia berkata:

Wujud kalangan individu yang mendakwa sebagai berilmu namun hakikatnya jahil. Dia berkata bagaimana para *anbiya'* serta wali Allah yang sudah wafat mengetahui orang yang *bertawassul* serta menyeru mereka? Daku mengatakan keadaan mereka selepas kematian menyamai sebagaimana di dunia.²⁹

Keseluruhan orang yang sudah mati hidup menerusi kehidupan alam barzakh. Tidak menafikan keharusan *bertawassul* serta memohon syafaat kepada mereka melainkan golongan yang menjadikan mereka

²⁸ *al-Minhah al-Wahabiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 25, secara ringkas.

²⁹ *al-Minhah al-Wahabiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 15.

laksana tanah serta tulang sahaja. Golongan ini meninggalkan orang yang sudah mati sebagai tempat untuk diperolehi kemuliaan serta keagungan.³⁰

Dawud mendakwa individu yang mengingkari *al-tawassul* serta *istigoshah* kepada orang yang sudah mati menolak perbuatan ini disebabkan keyakinannya bahawa mayat tidak dapat mendengar, melihat serta hidup secara alam barzakh. Dia berkata seperti berikut:

Ketahuilah wahai orang beriman! Individu yang mengingkari *al-tawassul*, memohon syafaat serta ber*istigoshah* kepada para *anbiya'* serta wali Allah hanya mengingkarinya disebabkan keyakinannya bahawa si mati itu kekal menjadi tanah. Ia tidak dapat mendengar, melihat serta tidak menempuh kehidupan alam barzakh di dalam kubur. Sebaliknya, keyakinan yang benar di mana keseluruhan penghuni kubur hidup menerusi kehidupan alam barzakh. Mereka berupaya berfikir, mendengar, melihat, serta menziarahi satu sama lain.³¹

- **Termaktub menerusi sebuah risalah menolak golongan wahabi kenyataan seperti berikut:**

Apakah perbezaan ber*tawassul* dengan para

³⁰ *al-Minhah al-Wahabiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 25, secara ringkas.

³¹ *al-Minhah al-Wahabiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 2 dan 3, secara ringkas.

anbiya' serta wali Allah yang hidup bagi memperoleh hajat dengan bertawassul kepada mereka setelah mereka wafat? Ini sehinggakan kamu (merujuk golongan wahabi -penterjemah) mengharuskan kategori pertama namun menolak kategori kedua?³²

- **Muhammad bin Mustafa al-Husni.**

Dia menyatakan keharusan bertawassul serta beristigoshah kepada selain Allah. Menurutnya golongan yang melakukan perkara ini tidak menganggap selain Allah dapat memberi bekas. Malahan dia turut menetapkan konsep memberi bekas dengan menghilangkan sebab. Dengan membawa contoh nyalaan api, dia menyatakan nyalaan api bukan penyebab kepada terjadinya pembakaran. Hanya dihubungkan sahaja nyalaan api sehingga terjadinya proses pembakaran. Dia berkata:

Tidak seorangpun di kalangan kaum muslimin meyakini penggunaan perantaraan terhadap Allah sebagai suatu yang boleh mendatangkan bekas. Mereka menafikan apa yang dihukumkan secara adat terhadap sesuatu yang dianggap secara zahir mempunyai pengaruh terhadap sesuatu seperti nyalaan api.

Secara realiti terjadinya proses pembakaran menerusi sentuhan nyalaan api bukan bermaksud ia dapat

³² *Risalah fi al-Radd 'ala Ajwibah al-Wahabiyah*, dalam bentuk manuskrip, Darah al-Malik 'Abd. al-'Aziz.

memberi bekas. Hanya dari sudut pandangan zahir sahaja ia menunjukkan demikian. Iaitu kesan dari pertemuan antara dua perkara. (pertemuan nyalaan api dengan sesuatu - penterjemah).³³

- **Dahlan.**

Dia meletakkan *al-tawassul*, *al-tashaffu'* dengan *al-istigoshah* kepada orang yang sudah mati sebagai tiga perkara yang sama dari sudut makna iaitu mengambil keberkatan (*al-Tabarruk*). Seterusnya dia mendakwa ketiga-tiga perkara ini sebagai penyebab rahmat Allah terhadap para hamba-Nya. Selain itu, secara hakiki Allah sahaja yang memberi bekas manakala orang yang sudah mati hanya bertindak sebagai penyebab biasa yang tidak dapat memberi bekas. Dahlan mengulas seperti berikut:

al-tawassul, *al-tashaffu'* dan *al-istigoshah* mempunyai makna yang sama. Di sisi orang beriman, ketiga-tiga perkara ini hanya membawa maksud mengambil keberkatan (*al-Tabarruk*) dengan menyebut golongan yang dikasihi Allah.

Ini terbukti di mana Allah merahmati para hamba-Nya kerana mereka sama ada sewaktu mereka masih hidup mahupun setelah meninggal dunia. Secara

³³ *Izhar al-'Uquq fi al-Radd 'ala Man'i al-Tawassul ilallah Ta'ala bi al-Nabi wa al-Wali al-Saduq*, cetakan pertama, Matba'ah al-Taquddum, Mesir, 1227H, hlm. 48.

hakiki, Allah sahaja yang memberi bekas serta mencipta segala sesuatu. Menyebut nama tokoh-tokoh terkemuka ini hanya penyebab biasa bagi menghasilkan sesuatu.

Ini sebagaimana penggunaan penyebab-penyebab biasa lainnya bagi menghasilkan sesuatu perkara yang secara hakikatnya sekalian penyebab ini tidak dapat memberi bekas.³⁴

Dahlan seterusnya mendakwa wujud persamaan antara orang yang hidup dengan yang sudah mati. Kedua-dua golongan ini tidak dapat memberi bekas pada sesuatu. Sesiapa meyakini orang yang hidup dapat memberi bekas terhadap sesuatu ia merupakan keyakinan yang batil. Dahlan berkata:

Persamaan antara orang yang hidup dan mati di mana keduanya tidak dapat memberi bekas ke atas sesuatu. Keyakinan orang yang hidup berkuasa ke atas sesuatu melazimi meyakini seorang hamba berupaya menjadikan perbuatan dirinya secara pilihan. Ia merupakan keyakinan serta pegangan batil.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah meyakini seorang hamba mencipta sesuatu manakala Allah yang Maha Esa pula pencipta kepada perbuatannya. Para hamba hanya melakukan usaha ikhtiar secara zahir sahaja. Persamaan antara orang hidup dengan yang sudah mati di mana keduanya tidak dapat memberi bekas dalam penciptaan

³⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 14.

sesuatu. Secara hakiki Allah sahaja yang memberi bekas.³⁵

- **al-Samanwudi.**

Dia sebagaimana para penentang terdahulu mendakwa tidak wujud perbezaan bertawassul sama ada menerusi lafaz *al-tawassul*, *al-istigoshah* mahupun *al-tawajjuh*. Ini selagi mana individu yang memohon pertolongan kepada para *anbiya'* serta salihin meyakini pertolongan secara hakiki datang dari Allah. Secara kiasan sahaja ia disandarkan kepada sebab.³⁶

- **al-Dijwi.**

Dia mengharuskan bertawassul serta beristigoshah kepada orang yang sudah mati apabila pelakunya meyakini Allah sebagai Pencipta. Si mati berperanan hanya sebagai sandaran secara kiasan bukan hakiki. Oleh yang demikian, tiada perbezaan antara bertawassul serta beristigoshah sama ada kepada yang hidup ataupun mati. Bahkan membataskan perkara ini hanya terhadap yang hidup lebih mendekatkan umat Islam kepada perbuatan syirik. Dia berkata:

Bagaimana boleh dikufurkan individu yang berkata: Allah Pencipta serta Pemilik segala sesuatu. Kepada-Nya kembali segala urusan. Individu yang

³⁵ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah*, hlm. 34.

³⁶ *Sa'adah al-Darayn*, Jil. 1, hlm. 207.

bertawassul menyebut perkara ini ketika melakukannya. Dia memohon kepada Allah menerusi perantaraan dengan menyatakan tidak ada pembuat melainkan Allah. Dia tidak menjadikan perantaraan sebagai suatu yang berkuasa melakukan atau mencipta tetapi sebagai amal salih atau disebabkan dekat kedudukan perantaraan tersebut di sisi Allah.

Oleh itu, jika kami mendapati dia menyandarkan kepada sesuatu dalam permohonannya kepada Allah, ia berlandaskan keyakinannya perantaraan itu hanya sandaran kiasan sahaja bukan hakiki. Perkara ini menyamai kenyataan umum masyarakat seperti berikut: musim bunga menyebabkan tanaman tumbuh atau daku merasa kenyang disebabkan memakan roti. Sesiapa meyakini secara hakiki maka syirik serta kufurlah ia.

Secara realiti, tidak ada pencipta selain Allah. Adapun sandaran kepada selain-Nya hanya kaedah penyebab serta melakukan usaha ikhtiar sahaja.³⁷

Ketika menyerang golongan yang menyalahi pandangan golongan penentang, dia berkata:

Menspesifikkan keharusan *bertawassul* kepada yang hidup tanpa yang sudah mati mendekatkan umat Islam kepada perbuatan syirik. Golongan ini terkeliru serta mengelirukan masyarakat apabila mengatakan

³⁷ *Majalah Nur al-Islam*, Jil. 1, *Maqal al-Tawassul wa Juhlah al-Wahabiyyin*, hlm. 31.

orang yang hidup secara bebas melakukan perbuatan tidak sepertimana orang yang sudah mati. Kami sama sekali tidak mengatakan kenyataan sebegini. Hanya golongan pelampau di kalangan muktazilah serta menyamainya sahaja mengatakan demikian.³⁸

- **al-Amili.**

Kenyataan yang sahih di mana tiada perbezaan antara orang yang hidup dengan yang sudah mati. Bahkan tiada perbezaan antara yang wujud dengan yang tiada.³⁹

- **al-Zahawi.**

Dia sepertimana para penentang terdahulu mendakwa kewujudan makna serta natijah yang sama antara *al-tawassul*, *al-tashaffu'* dan *al-istigoshah*. Ini disebabkan apa yang dikehendaki di sini ialah keberkatan (*al-Tabarruk*) ke atas orang yang sudah mati. Ini kerana dengan sebab mereka Allah merahmati para hamba-Nya. Namun mereka hanya penyebab biasa yang tidak memberi bekas disebabkan yang wujud secara hakiki hanya Allah sahaja.⁴⁰ Dia berkata:

³⁸ *Majalah Nur al-Islam*, Jil. 2, *Maqal al-Tawassul wa Juhlah al-Wahabiyin*, hlm. 114, secara ringkas.

³⁹ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 306.

⁴⁰ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 60.

Apa yang dikehendaki dengan *beristigoshah* kepada para *anbiya'* serta salihin serta *bertawassul* kepada mereka di mana mereka merupakan penyebab serta tatacara bagi memperolehi hajat. Namun Allah sahaja yang bertindak sebagai Pembuat bukan mereka. Ini merupakan keyakinan yang hak terhadap sekalian perbuatan (makhluk penterjemah). Sebagai suatu contoh, pisau dengan dzat dirinya tidak berupaya memotong sesuatu bahkan Allah yang bertindak sebagai Pemotong. Di mana pisau hanya penyebab biasa berlakunya pemotongan pisau tersebut.⁴¹

al-Zahawi turut mendakwa tiada perbezaan antara *bertawassul* dengan dzat makhluk yang hidup dengan yang sudah mati. Ini kerana keduanya tidak berupaya memberi bekas ke atas sesuatu.⁴²

- **al-Tabataba'ie.**

Dia mendakwa orang yang sudah mati persis seumpama orang yang hidup. Ia berupaya memahami serta merasai sesuatu bahkan keupayaan melakukan perkara ini melebihi orang yang hidup. Dia berkata:

Secara hakiki, orang yang sudah mati dapat memahami, merasai serta melihat ke sana ke mari sebagaimana waktu hidup dahulu. Bahkan keupayaan ini

⁴¹ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm.53 dan 54.

⁴² *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 59.

melebihi waktu masih hidup sebagaimana disepakati kaum muslimin.⁴³

- **Huzbik.**

Dia menyatakan tiada perbezaan *bertawassul* dengan yang hidup atau mati. Ini kerana Allah sahaja memberi bekas sedangkan yang hidup serta mati tidak berupaya melakukan demikian terhadap sesuatu.⁴⁴

- **Hassan al-Syathi.**

Dia berkata:

Ulasanku, suatu yang keliru sesiapa yang mencegah *bertawassul* apabila ia melihat sebahagian golongan awam melakukannya terhadap para salihin. Ia sama ada ke atas yang hidup mahupun yang sudah mati. Ia menyangka ucapan mereka kepada para wali seperti: lakukan kepadaku sekian..sekian sebagai lafaz yang menunjukkan selain Allah dapat memberi bekas.

Sehubungan ini, semestinya lafaz-lafaz sebegini dianggap sebagai lafaz kiasan. Ini disebabkan hati sanubari pelakunya tetap seorang ahli Tauhid. Oleh yang demikian, apabila orang awam mengemukakan pertanyaan

⁴³ *al-Barahin al-Jaliyyah*, hlm. 23.

⁴⁴ *al-Maqalat al-Wafiyah*, hlm. 199.

terhadap perkara ini, wajib kepada engkau menyatakan Allah Pelaku kepada segala-galanya. Adapun permohonan menerusi perantaraan disebabkan kedudukan dekat mereka di sisi Allah.⁴⁵

- **Sawqih.**

Ketika menyatakan pegangan golongan penentang terhadap konsep perbuatan, dia berkata:

Keyakinan *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* ialah Allah yang Maha Esa merupakan Pembuat/Pelaku di alam ini. Tidak seorang makhlukpun sama ada besar mahupun kecil, kuat ataupun lemah dapat memberi bekas. Adapun kenyataan seolah-olah menyalahi perkara ini hanya sebagai kiasan sahaja. Ini sebagaimana ucapan seorang ahli tauhid: musim bunga menghasilkan tanaman. Ternyata penghasilan disebabkan faktor musim bunga hanya sandaran kiasan. Ini kerana Allah Penghasil secara hakiki.⁴⁶

- **Muhammad 'Ashiq al-Rahman.**

Ketika memperjelaskan hadith bertawassul Nabi Adam *'alayh al-salam* kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sebelum kewujudan baginda, dia turut

⁴⁵ *al-Nuqul al-Syar'iyah*, hlm. 107-108.

⁴⁶ *Tabyin al-Haq wa al-Sawwab*, hlm. 14.

menyatakan tiada perbezaan antara lafaz *al-tawassul*, *al-istigoshah* dengan *al-iltija'* (memohon perlindungan). Dia berkata:

Tiada perbezaan makna sama ada *al-tawassul*, *al-isti'annah*, *al-tashaffu'* mahupun *al-iltija'*. Di mana pemohon yang memohon dengan ber *tawassul* kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* hanya menjadikan baginda sebagai sebagai perantaraan supaya Allah memperkenankan hajatnya.⁴⁷

- **Muhammad al-Tahir Yusuf.**

Ketika memperjelaskan konsep bertawassul kepada orang yang sudah mati, dia berkata:

Tiada perbezaan ber *tawassul* sama ada terhadap orang yang masih hidup atau sudah mati. Ini disebabkan secara hakiki Allah yang mengatur segala urusan. Dia Maha Hidup sekali-kali tidak mati. Sesiapa berkeyakinan seorang wali bermanfaat ketika ia hidup sahaja maka menyamai keyakinan muktazilah yakni golongan wahabi. Mereka sesat dari jalan yang lurus.⁴⁸

- **al-Maliki.**

⁴⁷ 'Azaballah al-Majdi li Jawfi Munkar al-Tawassul al-Najdi, Maltabah al-Haqiqah, Istanbul, 1402H, hlm. 43.

⁴⁸ *Quwwah al-Difa' wa al-Hujum*, hlm. 12.

Dia seorang tokoh terkemuka di kalangan penentang. Dia berkata seperti berikut:

Hakikatnya para *anbiya'* serta wali Allah hidup di dalam kubur mereka. Sekiranya seorang ilmuwan tidak mempunyai dalil kesahihan bertawassul serta beristigoshah kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah kewafatan baginda kecuali dengan mengqiaskannya berdasarkan kesahihan bertawassul serta beristigoshah kepada baginda sewaktu baginda masih hidup, maka ini sudah memadai. Ini kerana baginda hidup sama ada ketika di dunia mahupun setelah wafat. Baginda sentiasa memberi perhatian serta mengawasi hal-ehwal dunia dengan izin Allah.⁴⁹

Dakwaan orang yang sudah mati tidak berupaya melakukan sesuatu adalah batil.⁵⁰

Para arwah (roh) mempunyai keupayaan serta kebebasan yang membolehkannya menjawab sesiapa yang menyeru mereka, atau memberi pertolongan kepada sesiapa yang memerlukannya. Ini sebagaimana orang yang hidup di atas dunia. Bahkan keupayaan serta kebebasan ini melebihi orang yang hidup di atas dunia.⁵¹

Berdasarkan penjelasan elemen kedua ini, kita simpulkan seperti berikut:

⁴⁹ *Mafahim Yajibu 'an Tasihha*, hlm. 91.

⁵⁰ *Mafahim Yajibu 'an Tasihha*, hlm. 92.

⁵¹ *Mafahim Yajibu 'an Tasihha*, hlm. 93.

1. Para penentang berkeyakinan tiada perbezaan bertawassul serta beristigoshah sama ada terhadap orang yang hidup mahupun sudah meninggal dunia. Ini disebabkan kedua-duanya tidak dapat memberi bekas. Hanya Allah sahaja berupaya memberi bekas.
2. Sebarang kenyataan secara zahir seolah-olah menyalahi kaedah semestinya ditafsirkan secara kiasan.
3. Orang yang sudah meninggal dunia hidup di dalam kubur. Bahkan kehidupan, perasaan serta pancaindera mereka lebih kuat dan sempurna berbanding ketika berada di atas dunia.

Seterusnya kami ikuti perbincangan ini dengan menyatakan jawapan serta penjelasan kukuh kekeliruan kedua-dua elemen ini berdasarkan kenyataan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*.

Jawapan para pemimpin serta pendokong dakwah al-Syeikh al-Imam.

Pengertian *al-tawassul*:

Sebelum kami mengemukakan penjelasan isu ini perlu dinyatakan terlebih dahulu pengertian *al-tawassul*

sama ada di sisi para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* mahupun golongan penentang dan jenis *al-tawassul* yang diizinkan hukum syariat. Sehubungan ini, para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* menghuraikannya seperti berikut:

Pertama: Pengarang kitab *al-Tawdhih*.

Beliau menulis:

al-tawassul di sisi para sahabat serta tabi'in ialah memohon doa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* atau para salihin atau bertawajjuh dengan doa mereka. Sebaliknya, makna *al-tawassul* di sisi golongan *mu'anid* (penentang) ialah memohon kepada Allah menerusi dzat makhluk-Nya, bersumpah kepada Allah menerusi perantaraan makhluk-Nya atau menjadikan dzat makhluk-Nya sebagai perantaraan kepada Allah.⁵²

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika memperjelaskan pengertian *al-tawassul*, beliau berkata:

Wujud kepelbagaian pengertian lafaz *al-tawassul*. Para pencinta kubur mengertikan *al-tawassul*

⁵² *al-Tawdhih 'an Tauhid al-Khallaq*, hlm. 310.

ini sebagai *beristigoshah* kepada selain Allah, memohon, berharap, takut, bernazar, menyembelih, mengagungkan apa yang tidak disyariatkan untuk dilakukan terhadap makhluk.

Namun para ilmuwan mengertikan *al-tawassul* sebagai mengikuti (*al-mutaba'ah*) serta berpegang teguh kepada al-Sunnah menerusi *bertawassul* kepada Allah dengan peribadatan yang disyariatkan-Nya serta Rasul-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam* berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebaliknya terdapat individu yang memohon kepada Allah dengan *Jah* (kedudukan) Nabi-Nya serta hamba-hamba-Nya yang salih. Secara hakiki, perbuatan ini hanya berasaskan kenyataan golongan terkemudian seperti al-Subki, al-Qastalani dan Ibn Hajar iaitu al-Haythami.⁵³

Ketiga: al-Alusi.

Ketika memperjelaskan pengertian *al-tawassul* secara ringkas beliau berkata:

al-tawassul sebenar ialah menghampirkan diri kepada Allah dengan melakukan amal salih yang disukai-Nya serta diredhai-Nya. Ia menerusi *bertawassul* dengan doa para salihin. Sebaliknya para pencinta kubur

⁵³ *Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 367 serta *Misbah al-Zullam*, hlm. 178.

mengertikan *al-tawassul* sebagai memohon kepada para salihin di samping Allah bagi memperolehi hajat serta menghilangkan kesusahan.⁵⁴

Ternyata di sini, para penentang mengeksploitasi lafaz *al-tawassul*. Mereka menukar kebenaran dengan mengharuskan permohonan serta *beristigoshah* kepada orang yang sudah mati dengan mengatasnamakan perbuatan ini sebagai *al-tawassul*. Mereka kemudian mendakwa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan individu yang bertawassul kepada para *anbiya'* serta salihin.

Dalam konteks ini, Ibn Sahim misalnya, menuduh al-Syeikh al-Imam mengkafirkan individu yang bertawassul kepada para salihin.⁵⁵ Hakikatnya, Ibn Sahim mengubah kenyataan al-Syeikh al-Imam daripada kedudukan sebenar. Dahlan pula turut mendakwa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan individu yang bertawassul dengan dzat para salihin.⁵⁶ Beliau berbohong menerusi kenyataannya seperti berikut:

Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab berkhotbah di masjid al-Dar'iyah pada setiap hari Jumaat sambil berucap di setiap khutbahnya: Sesiapa bertawassul

⁵⁴ *Fath al-Manan fi Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 400; *al-Asinah al-Haddad* karangan Ibn Sahman, hlm. 150.

⁵⁵ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 12.

⁵⁶ *Misbah al-Zullam* karangan al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan, hlm. 73.

dengan Nabi maka kafirlah ia.⁵⁷

Al-'Amili sepertimana penentang terdahulu turut berdusta dengan berkata:

Golongan wahabi melarang bertawassul dengan segala jenisnya. Mereka menjadikannya sebagai perbuatan syirik.⁵⁸

Secara realiti, al-Syeikh al-Imam hanya mengkafirkan sesiapa yang beristigoshah dengan orang yang sudah mati sama ada terhadap para *anbiya'* atau wali Allah walaupun ia diatasmakan dengan *al-tawassul*. Apa yang penting, ia bukan merujuk kepada nama perkataan tetapi maksud penggunaan perkataan tersebut. Di mana di sisi para pencinta kubur *al-tawassul* ialah beristigoshah serta memohon hajat kepada orang yang sudah mati. Ini sebagaimana penjelasan terdahulu.

Adapun terhadap dakwaan bahawa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan individu yang bertawassul kepada para salihin dengan maksud memohon kepada Allah menerusi *Jah* (kedudukan) mereka, maka al-Syeikh al-Imam dalam jawapannya kepada Ibn Sahim berkata:

Terhadap permasalahan yang menerusinya daku dicaci maki, sebagai jawapannya daku katakan: *Hadza Buhtanun 'Adhim* (ia hanyalah pembohongan yang amat

⁵⁷ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah*, hlm. 42.

⁵⁸ *Kasyf al-Irtiyab* 301.

nyata).⁵⁹

Apa yang pelik, kami turut mendapati perkara yang bertentangan dengan isu di atas di kalangan golongan penentang. Wujud kalangan mereka mendakwa al-Syeikh al-Imam tidak mengingkari *beristigoshah* serta memohon hajat dengan orang yang sudah mati. Ini kerana al-Syeikh al-Imam berpendapat ia merupakan persoalan fiqh yang melibatkan persoalan ijtihad sahaja.

Dalam konteks ini, mereka berhujah menggunakan hasil penulisan al-Syeikh al-Imam dalam perkara membabitkan hukum *bertawassul* dengan para salihin. Dalam hal ini, golongan penentang terkeliru terhadap maksud sebenar al-Syeikh al-Imam. Secara realiti, al-Syeikh al-Imam mengemukakan penjelasan jelas secara panjang lebar terhadap perkara ini. Beliau membezakan *al-tawassul* dengan makna *bertawassul* dengan dzat para salihin dengan *al-tawassul* dengan makna memohon serta *beristigoshah* kepada para salihin dalam perkara yang hanya Allah jua dapat menunaikannya. Sehubungan ini, al-Syeikh al-Imam berkata seperti berikut:

Kami amat mengingkari sesiapa yang memohon kepada makhluk dalam perkara menghapuskan dukacita serta menunaikan keinginan. Dari sudut mana perkara ini menunjukkan kepada mengikhlasakan permohonan kepada Allah atau tidak memohon kepada yang lain selain Allah?

⁵⁹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh* , Jil. 5, hlm. 64.

Melainkan jika individu tersebut berkata di dalam permohonannya: Daku memohon kepada-Mu ya Allah dengan (kedudukan) Nabi-Mu atau Rasul-Rasul-Mu atau dengan (kedudukan) hamba-hamba-Mu yang salihin atau selainnya di mana individu ini masih memohon kepada Allah, tidak kepada selain-Nya.⁶⁰

Ternyata hujah para penentang mempergunakan kenyataan al-Syeikh al-Imam bagi mengharuskan ber*istigoshah* kepada orang yang sudah mati memakan diri mereka kembali. Ia bukan kenyataan menyokong bahkan hujah kukuh menolak pegangan serta kesalahan mereka.⁶¹

Jenis-jenis *al-tawassul* yang diizinkan hukum syariat.

Mengikuti perbincangan berkenaan pengertian *al-tawassul*, kami menyatakan pula ketetapan para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* berkenaan kategori *al-tawassul* yang diizinkan hukum syariat. Ia secara hakiki berbeza dengan *al-tawassul* yang dikategorikan sebagai bid'ah. Ciri *al-tawassul* yang disyariatkan seperti berikut:

⁶⁰ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 3, hlm. 68; *Tarikh Ibn Ghannam*, Jil. 1, hlm. 208 .

⁶¹ Kekeliruan al-Maliki di dalam kitabnya *Mafahim Yajibu 'An Tasihhu* apabila beliau mengemukakan kenyataan al-Syeikh al-Imam bukan pada kedudukan sebenar di mana kononnya al-Syeikh al-Imam tidak mengingkari bertawassul kepada orang yang sudah mati. [hlm. 62-63].

1. Bertawassul dengan nama-nama Allah yang Maha Baik (*al-Asmaul Husna*) serta sifat-sifat Allah yang Maha Mulia.
2. Bertawassul dengan amal salih.
3. Bertawassul dengan doa orang yang salih.

Pertama: al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammarr.

Ketika memperjelaskan ketiga-tiga kategori *al-tawassul* yang disyariatkan ini, beliau berkata:

al-Tawassul yang dilakukan para sahabat *radiyallahu 'anhum* ialah bertawassul kepada Allah menerusi nama-nama Allah yang Maha Baik (*al-Asma al-Husna*), sifat-sifat Allah yang Maha Mulia serta dengan apa yang diperintahkan Allah seperti beriman, mencintai, serta mentaati Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Termasuk di dalamnya bertawassul dengan doa serta pertolongan baginda ketika hayatnya serta bertawassul kepada doa 'Abbas serta Yazid dan lain-lain.⁶²

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah al-Husayn.

Ketika memperjelaskan jenis *al-tawassul* yang

⁶² *al-Durar al-Saniyyah*, Jil 9. hlm. 17.

disyariatkan, beliau berkata:

Antara *bertawassul* yang hukumnya berkekalan ialah *bertawassul* dengan amal salih. Ini seumpama *bertawassul* orang beriman dengan keimanan yang terletak di dalam hati mereka. Sehubungan ini, al-Qur'an mengandungi ayat yang bermaksud: "***Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman.***" [Ali Imran 3:193]

Ataupun *bertawassul* tiga penghuni gua dengan amal salih mereka sehingga terangkat batu yang menghalangi mereka.⁶³

Selain itu, memohon kepada Allah dengan *bertawassul* kepada nama-nama Allah yang Maha Baik (*al-Asma al-Husna*) serta sifat-sifat Allah yang Maha Mulia. Di mana jenis-jenis *al-tawassul* sebegini yang dimaksudkan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*: "*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya.*" [al-Maidah 5:35]

Menerusi *al-tawassul* jenis ini, seseorang itu dapat mendekatkan dirinya kepada Allah. Ini kerana ia merupakan bentuk amal salih (yang disyariatkan).⁶⁴

⁶³ Hadith yang diriwayatkan al-Bukhari, Muslim, al-Nasa'ie serta selain mereka.

⁶⁴ *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 2, hlm. 85, secara ringkas; *al-Tawdhih 'an Tauhid al-Khallaq*, hlm. 43.

Ketiga: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika merumuskan jenis *al-tawassul* yang disyariatkan, beliau berkata:

al-Tawassul yang disyariatkan berdasarkan kepada ketentuan al-Qur'an dan al-Sunnah ialah *bertawassul* kepada Allah menerusi amal salih, nama-nama Allah yang Maha Baik (*al-Asma al-Husna*) serta sifat-sifat Allah yang Maha Mulia. Selain itu ialah *bertawassul* dengan doa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta pertolongan baginda ketika baginda masih hidup serta dengan doa para *anbiya* serta salihin lainnya ketika mereka masih hidup.⁶⁵

Keempat: al-Syeikh Sulayman bin Sahman.

Ketika menghuraikan bahawa *al-tawassul* yang disyariatkan merujuk kepada *al-tawassul* yang didefinisikan para sahabat *radiyallahu 'anhum*, beliau berkata:

Para sahabat *radiyallahu 'anhum* mendefinisikan *al-tawassul* sebagai memohon doa dari Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa salam* ketika hayat baginda. Ini sebagaimana yang mereka lakukan ketika mengalami suasana kemarau ketika baginda masih hidup. Baginda

⁶⁵ *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 9, hlm. 232.

berdoa kepada Allah, lalu Allah menurunkan hujan. Apabila baginda wafat, 'Umar al-Khattab *radiyallahu 'anh bertawassul* pula kepada doa bapa saudara baginda 'Abbas *radiyallahu 'anh*. Ini merupakan jenis *al-tawassul* yang disyariatkan agama Islam. Dalam konteks ini, al-Syeikh al-Imam tidak menegah mahupun melarang melakukan *al-tawassul* sebegini.⁶⁶

Kelima: al-Syeikh Abu Samh.

Ketika memperjelaskan bahawa jenis *al-tawassul* yang disyariatkan merupakan kaedah yang diketahui umum jenis serta bukti kesahihannya, beliau berkata:

Bertawassul kepada Allah merupakan perbuatan yang diperintahkan Allah secara *Ijmal* (ringkas) serta *Tafsil* (huraian terperinci). Ia diperjelaskan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa salam* sama ada secara perkataan mahupun perbuatan. Begitu jelas perkara ini melebihi sinaran cahaya matahari di waktu pagi.⁶⁷

Keenam: al-Qasimi.

Ketika menghuraikan secara panjang lebar 11 jenis *al-tawassul* yang disyariatkan, di mana secara hakiki ia

⁶⁶ *al-Asinnah al-Haddad*, hlm. 150 secara ringkas.

⁶⁷ *al-Risalah al-Makkiyah fi al-Radd 'ala al-Risalah al-Ramliyah*, cetakan pertama, maktabah al-Manar, Mesir, 1349H, hlm. 29.

termasuk dalam 3 jenis *al-tawassul* yang disyariatkan agama Islam, beliau berkata:

Keseluruhan ini merupakan jenis *al-tawassul* yang disyariatkan serta diperintahkan Allah kepada para hamba-Nya untuk dipraktikkan. Ia juga merupakan *al-tawassul* yang ditetapkan al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya bagi mendekatkan diri kepada Allah.⁶⁸

Ketujuh: Muhammad bin Nasib al-Rifa'i.

Beliau menulis:

Secara realiti, para pengikut al-Syeikh al-Imam hanya menetapkan serta mendakwahkan *al-tawassul* yang disyariatkan. Oleh yang demikian, tidak adil melemparkan tohmahan terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam kononnya mereka mengingkari serta membenci *bertawassul*. Hakikatnya pergerakan ini menetapkan serta amat memberi galakan melakukan *al-tawassul* yang dikasihi Allah serta Rasul-Nya.⁶⁹

Jawapan terhadap kekeliruan elemen pertama dalam bertawassul.

Setelah memperjelaskan jenis perbuatan *al-*

⁶⁸ *al-Baruq al-Najdiyyah fi Iktisah al-Zha'at al-Dijwiyah*, maktabah al-Manar, Mesir, 1350H, hlm. 22-25.

⁶⁹ *al-Syubhat allati Athirat Hawla Dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 20, secara ringkas.

tawassul yang disyariatkan agama Islam serta ditetapkan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah*, kami mengemukakan jawapan serta penjelasan kukuh para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah*. Ia berkait kekeliruan elemen pertama kaedah *bertawassul* iaitu *bertawassul* kepada dzat makhluk sama ada yang hidup mahupun yang sudah mati. Secara hakiki jenis *al-tawassul* sebegini termasuk ke dalam *al-tawassul* bid'ah yang tidak disyariatkan agama Islam.

al-Tawassul al-bid'ie (*bertawassul* yang dihukumkan sebagai bid'ah – penterjemah) sebagaimana yang dilakukan golongan penentang adalah seperti berikut:

1. *Bertawassul* kepada Allah dengan dzat makhluk-Nya khususnya terhadap tokoh-tokoh terkemuka.
2. *Bertawassul* kepada Allah dengan *Jah* (kedudukan) tokoh-tokoh terkemuka serta para salihin.
3. Bersumpah kepada Allah dengan menggunakan perantaraan tokoh-tokoh terkemuka serta para salihin.

Apa yang penting di sini, semestinya difahami bahawa hukum terhadap ketiga-tiga jenis *al-tawassul al-bid'ie* ini tidaklah sampai kepada peringkat syirik besar (*al-Syirik al-Akbar*) yang mengeluarkan seseorang dari agama Islam. Namun ia tetap merupakan perbuatan yang dikategorikan sebagai bid'ah yang dilarang/harus dijauhi (*al-Tahrim*). Ini disebabkan individu yang *bertawassul*

kepada Allah sama ada dengan dzat atau kedudukan makhluk atau para salihin ia tetap memohon kepada Allah dengan mengikhhlaskan *al-Dinnya*.⁷⁰ Penjelasannya seperti berikut:

Pertama: al-Syeikh Ahmad bin Nasir bin Mu'ammam.

Ketika memperjelaskan secara panjang lebar perbuatan *al-tawassul* sebegini, beliau menulis:

Terhadap perbuatan *bertawassul* dengan dzat makhluk maka jawapannya: Tiada dalil yang mengharuskan memohon kepada Allah dengan perantaraan dzat makhluknya. Para sahabat *radiyallahu 'anhum* serta tabi'in tidak pernah mengeluarkan kenyataan mengharuskannya.

Begitu juga *bertawassul* dengan dzat makhluk selepas kematian mereka. Tiada dalil mengharuskannya. Ini terbukti tidak ada seorang juapun di kalangan *salaf al-soleh* mengeluarkan kenyataan mengharuskannya. Sebaliknya, terlalu ramai para ulama' yang tidak mengharuskannya.

Sekiranya wujud di kalangan mereka yang mengharuskannya, maka perselisihan dalam perkara ini perlu dikembalikan kepada Allah serta Rasul-Nya

⁷⁰ Penjelasan di dalam *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, karangan al-Sahsawani, hlm. 209.

(merujuk al-Qur'an serta al-Sunnah -penterjemah). Diketahui umum, perkara bertawassul kepada dzat makhluk ini tidak pernah termaktub di dalam sabda Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Selain itu, ia tidak pernah dipraktikkan kalangan *salaf al-soleh*. Sebaliknya, ramai kalangan mereka menyatakan tegahan terhadapnya.

Tiada keraguan bahawa para *anbiya'* serta salihin mempunyai *Jah* (kedudukan) di sisi Allah. Namun kedudukan yang mereka perolehi ini diperuntukkan kepada diri mereka sahaja. Kepada kita, manfaat mereka yang kita perolehi adalah dengan mengikuti jejak langkah serta mengasihi mereka. Ini dilakukan dengan bertawassul kepada Allah dengan keimanan kita kepada Nabi-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam*, kasih, mentaati serta mengikuti sunnah baginda.

Ini merupakan antara jenis *al-tawassul* yang berada pada peringkat tertinggi. Adapun bertawassul dengan dzat baginda semata-mata tanpa bertawassul dengan keimanan serta ketaatan kepada baginda maka ia bukan merupakan suatu perantaraan (*wasilah*).

Dalam konteks yang sama beliau menulis:

Sekiranya dipohon kepada seseorang (yang hidup -penterjemah) pertolongan (*syafaat*) umpama menerusi kenyataan: "Tolongilah aku menghadapi kezaliman ..sekian..sekian", maka ia diharuskan.

Namun bersumpah dengan menyebut nama ..sekian..sekian maka haram hukumnya. Ini kerana diharamkan bersumpah dengan makhluk. Oleh itu, sebagaimana tidak harus bersumpah kepada Allah dengan makhluk-Nya maka *bertawassul* kepada Allah dengan dzat makhluk-Nya dihukumkan sebagai perbuatan bid'ah yang tercela. Perbuatan ini tidak pernah dilakukan golongan *al-salaf al-soleh* di kalangan para sahabat mahupun tabi'in. Kepada mereka segala kebaikan.⁷¹

Kedua: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika mengemukakan jawapan terhadap jenis *al-tawassul*, beliau berkata:

Terhadap ungkapan bertawassul seperti berikut: "Ya Allah, daku bertawassul kepadamu dengan *Jah* (kedudukan) Nabi-Mu Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*, atau dengan hak baginda, atau dengan *Jah* (kedudukan) para salihin, atau dengan hak hamba-Mu sekian..sekian", secara realiti ia merupakan ungkapan bersumpah (*al-Aqşam*) bid'ah yang tercela. Ini kerana ia tidak berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.⁷²

Tuan syeikh ini turut memperjelaskan hukum memohon kepada orang yang sudah mati. Ia seperti berikut:

⁷¹ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, Jil. 9, hlm. 23.

⁷² *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, Jil. 1, hlm. 129.

Ini merupakan perbuatan yang dilakukan ramai kalangan terkemudian. Ia sebahagian dari perkara bid'ah dalam agama Islam. Sebahagian ulama' mengizinkannya, manakala sebahagian lain menegah serta mencelanya. Namun ia tidak menyebabkan pelakunya melakukan perbuatan syirik besar (*al-Syirk al-Akbar*).⁷³

Ketiga: al-Syeikh 'Abd-'Aziz bin 'Abd. Allah al-Husayn.

Ketika menyatakan hukum bersumpah kepada Allah dengan makhluk-Nya, beliau berkata:

Para ulama' bersepakat menegah perbuatan bersumpah kepada Allah dengan makhluk-Nya. Adakah ia tegahan kebencian (*tanzih*) atau pengharaman (*tahrim*)? Berdasarkan kenyataan lebih kuat, ia merupakan tegahan pengharaman.⁷⁴

Keempat: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika menjawab persoalan hukum bertawassul dengan *Jah* (kedudukan) Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* atau selain baginda dari kalangan para *anbiya*

⁷³ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 69, secara ringkas.

⁷⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 2, hlm. 85.

'*alayhimussolatu wassalam*, beliau berkata:

Bertawassul dengan *jah* (kedudukan) makhluk selepas kematian mereka umpama seperti berikut: "Ya Allah! Daku memohon kepada-Mu dengan Nabi-Mu Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*."

Hakikatnya, ungkapan sebegini tidak pernah diajar baginda. Oleh itu, ramai kalangan ulama menegah ungkapan ini. Ibn al-Qayyim *rahimahullah* mengkategorikan ucapan seperti ini sebagai bid'ah. Ini disebabkan walaupun para *anbiya 'alayhimussolatu wassalam* memiliki *jah* (kedudukan) di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, masih tidak diizinkan untuk bertawassul dengan dzat serta kedudukan mereka.

Ini kerana kemanfaatan *jah* (kedudukan) ini diperuntukkan untuk mereka. Kemanfaatan mereka yang boleh diambil oleh kita ialah mengikuti jejak langkah serta mengasihi mereka.⁷⁵

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menghuraikan ketidakharusan memohon kepada Allah menerusi dzat seorang yang salih, beliau berkata:

⁷⁵ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 9, hlm. 232.

Sekiranya perbuatan memohon kepada Allah menerusi dzat seorang yang salih ini tidak mengapa atau diharuskan melakukannya, mengapa perkara ini tidak dipraktikkan para sahabat *radhiyallahu 'anhum* di kalangan Muhajirin dan Ansar?

Mengapa para sahabat tidak bertawassul dengan dzat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* selepas kewafatan baginda sebagaimana mereka bertawassul menerusi doa baginda ketika baginda masih hidup?

Kenyataan ini semakin diperkukuhkan menerusi perbuatan *amir al-Mukminin* 'Umar al-Khattab *radhiyallahu 'anh*. Suatu ketika beliau beserta 'Abbas *radhiyallahu 'anh* serta para sahabat lainnya melakukan tatacara memohon hujan. 'Umar al-Khattab *radhiyallahu 'anh* berkata seperti berikut:

"Ya Allah! Menjadi kebiasaan kepada kami memohon kepada Nabi kami untuk memohon kepada-Mu supaya menurunkan hujan, maka Engkau (merahmati) kami dengan menurunkan hujan. Kini kami memohon kepada-Mu menerusi bapa saudara Nabi kami supaya memohon pula kepada-Mu, maka turunkanlah hujan kepada kami."

Setelah memberi ucapan demikian, 'Umar berkata: angkatlah tanganmu wahai 'Abbas! Lantas 'Abbas mengangkat tangan lalu berdoa. Ternyata 'Umar al-Khattab *radhiyallahu 'anh* tidak pula memohon kepada

Allah dengan *Jah* (kedudukan) Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* atau selain baginda (sebaliknya yang berdoa ialah 'Abbas).⁷⁶

Keenam: al-Syeikh Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menjawab isu memohon kepada Allah dengan dzat makhluk serta bersumpah kepada Allah dengan makhluk, beliau berkata:

Berdasarkan ketetapan ini, kami memperingatkan engkau bahawa kami tidak sama sekali mengafirkan seorompokun yang *bertawassul* kepada Allah dengan dzat makhluk atau bersumpah kepada-Nya dengan makhluk. Namun kami tetap menyatakan perbuatan ini sebagai bid'ah yang dikeji.⁷⁷

Ketujuh: al-Sahsawani.

Ketika menjawab hukum *bertawassul* dengan hak sekian..sekian manusia, beliau berkata:

Sekiranya memohon kepada Allah dengan hak sekian..sekian sabit di dalam hadith sahih atau hasan maka tidak ada jalan bagi menghalangnya. Namun jika

⁷⁶ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 2, hlm. 113.

⁷⁷ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 1, hlm. 271.

tidak sabit maka perbuatan tersebut bid'ah hukumnya.

Berdasarkan keterangan golongan terdahulu, ternyata keseluruhan hadits yang berkait perkara ini tidak sunyi dari kelemahan (*wahan*).

Oleh itu, sebagai tindakan berhati-hati, tinggalkanlah keseluruhan lafaz sebegini. Allah menyediakan kita kemudahan dalam setiap perkara. Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* telahpun mengajari kita pelbagai jenis *al-tawassul* yang disyariatkan. Mengapa memilih jalan sempit yang dipenuhi kekeliruan?⁷⁸

Kelapan: al-Syeikh Salih bin Ahmad.

Beliau mengulas:

Tidak harus *bertawassul* dengan dzat tokoh-tokoh terkemuka. Ia merupakan perbuatan bid'ah yang tidak disyariatkan Allah serta Rasul-Nya. Di mana perkhabaran membenarkan perkara ini tidak ada asal usulnya. Sehubungan ini, tidak semua kenyataan dapat diterima kecuali berasaskan kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.⁷⁹

⁷⁸ *Siyahah al-Insan*, hlm. 207.

⁷⁹ *Tadmir Abatil Muhammad bin Ahmad Nur*, hlm. 55.

Jawapan terhadap kekeliruan elemen kedua dalam bertawassul.

Selesai memberikan gambaran tiga jenis perbuatan *al-tawassul* yang dikategorikan alim ulama' sebagai bid'ah kami mengemukakan jawapan serta penjelasan kukuh para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* kekeliruan elemen kedua. Dalam konteks ini, amat elok jika diteliti kenyataan Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah:

Daku mengkaji kenyataan pemimpin *salaf al-soleh* serta tokoh-tokoh ulama', adakah terdapat di kalangan mereka mengharuskan serta melakukan perbuatan *bertawassul* dengan dzat para salihin? Daku tidak mendapati mereka melakukan demikian. Namun, daku mendapati satu fatwa yang dikemukakan Abi Muhammad bin 'Abd. al-Salam bahawa dia tidak mengharuskan *bertawassul* dengan dzat selain Nabi *sallahu 'alayhi wasallam*. Beliau mengatakan harus *bertawassul* dengan dzat Nabi *sallahu 'alayhi wasallam* sahaja. Itupun jika hadith yang menyatakan perkara ini merupakan suatu hadith yang sahih.⁸⁰

Seterusnya dikemukakan jawapan para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* terhadap *al-tawassul* elemen kedua.

⁸⁰ Ahmad bin Isa, *al-Radd 'ala Syubhat al-Musta'inin bi Ghairillah*, Dar Misr littiba'ah, hlm. 49.

Pertama: al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthayn.

Ketika menjawab golongan penentang yang menggunakan ayat al-Qur'an yang bermaksud: **"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya"** [al-Ma'idah 5:35], beliau berkata:

al-Wasilah atau jalan ialah suatu kaedah mendekatkan diri serta mentaati Allah dan berpegang teguh serta mengambil teladan daripada Rasul-Nya. Inilah jalan yang diperintahkan Allah menerusi ayat tersebut.

Sehubungan ini, para sahabat menggunakan *al-Wasilah* dengan memohon menerusi perantaraan doa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ketika hayat baginda. Ini terbukti apabila mereka mengemukakan permohonan agar baginda berdoa kepada Allah supaya menurunkan hujan ketika berlaku musim kemarau. Ini selaras dengan kenyataan 'Umar bin al-Khattab *radiyallahu 'anh* seperti berikut:

"Ya Allah! Menjadi kebiasaan kepada kami memohon kepada Nabi kami untuk memohon kepada-Mu supaya menurunkan hujan, maka Engkau (merahmati) kami dengan menurunkan hujan."⁸¹

⁸¹ *al-Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 107.

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menghuraikan *al-Wasilah* yang dikehendaki oleh ayat al-Qur'an tersebut, beliau berkata:

al-Wasilah yang disyariatkan Allah kepada setiap Rasul-Nya ialah mengabdikan diri kepada-Nya dengan tidak menyekutukan-Nya, beriman kepada-Nya serta Rasul-Nya dan melakukan segala jenis amal salih yang dikasihi serta diredhai-Nya.⁸²

Ketiga: al-Qasimi.

Ketika menjawab golongan penentang yang menggunakan ayat: "***Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah...***" [al-Nisa' 4:64] sebagai dalil menghalalkan perbuatan bertawassul kepada orang yang sudah mati, beliau mengatakan seperti berikut:

Ungkapan ini spesifik maksudnya. Ia tidak menunjukkan pengertian secara umum. Ia merujuk peristiwa yang berlaku ketika Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* masih hidup. Dari sudut mana ayat ini boleh dijadikan landasan mengharuskan bertawassul kepada

⁸² *Dalail al-Rasukh fi al-Radd 'ala al-Manfukh*, hlm. 89.

baginda setelah kewafatannya?⁸³

Jawapan terhadap hadith-hadith yang digunakan oleh para penentang sebagai dalil.

Pertama: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika mengemukakan penjelasan terhadap hadith Nabi Adam *'alayh al-salam* bertawassul dengan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*, beliau berkata:

Hadith ini gugur (*saqit*) kedudukannya. Ini disebabkan salah seorang perawinya yang bernama 'Abd. al-Rahman bin Yazid, seorang yang lemah (*do'if*). Ini sebagaimana disepakati (*ittifaq*) kelemahannya oleh Malik, Ahmad, Ibn Ma'in, Ibn al-Madini, Abu Zur'ah, Abu Daud, Ibn Sa'ad, Ibn Abi Hatim, Ibn Khuzaymah dan Ibn Hibban. Ibn al-Jauzi berkata: Mereka bersepakat terhadap kelemahannya. Berkata al-Dhahabi: Pada perkiraanku hadith ini palsu (*maudhu*).

Selain itu ia menyalahi al-Qur'an. Walaupun Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebut kisah taubat serta *al-tawassul* Adam *'alayh al-salam*, namun Allah tidak menyatakan Adam bertawassul dengan dzat Nabi

⁸³ *al-Baruq al-Najdiyyah*, hlm. 37.

*sallallahu 'alayhi wasallam.*⁸⁴

Kedua: al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazami.

Ketika memperjelaskan penggunaan hadith yang bermaksud: “*Wahai hamba Allah (yang sudah mati – penterjemah) tolongilah daku!* atau *Wahai hamba Allah (yang sudah mati – penterjemah), halangilah mereka!*”, beliau berkata:

Kedua-dua hadith ini tidak sah kedudukannya. Yang pertama diriwayatkan oleh al-Tabrani di dalam *al-Kabir* dengan sanad yang terputus (*munqathi*). Manakala yang kedua di dalam sanadnya terdapat individu bernama Ma'ruf bin Hassan. Dalam konteks ini Ibn 'Adi berkata: Hadith ini mungkar (*munkar al-hadith*).⁸⁵

Ketiga: al-Syeikh Ahmad bin 'Isa.

Ketika menjawab sebuah hadith berkait dengan seorang buta yang dijadikan dalil golongan penentang, beliau berkata:

Para ulama menetapkan sebagaimana ketetapan Ibn Taymiyyah terhadap maksud hadith ini. Mereka menjelaskan ia hanya menunjukkan bertawassul dengan doa Nabi *sallallahu 'alayhi wasallam* bukan bertawassul

⁸⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 9, hlm. 233, secara ringkas.

⁸⁵ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 24; al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah di dalam *Taysir al-Hamid*, hlm. 247.

dengan dzat baginda.⁸⁶

Keempat: al-Syeikh al-Sahsawani.

Ketika mengulas kedudukan hadith Fatimah binti Asad, beliau berkata seperti berikut:

Perawi hadith ini melibatkan individu bernama Ruh bin Solah. Kedudukan beliau dipercayai (*Tsiqah*) di sisi Ibn Hibban dan al-Hakim namun padanya terdapat kelemahan (*da'af*). Manakala perawi lain hadith ini sahih kedudukannya (*rijal al-sahih*). al-Dhahabi berkata di dalam *al-Mizan*: Ruh bin Solah *al-Misri*, walaupun namanya disebut Ibn Sababah namun kedudukan beliau lemah di sisi Ibn 'Adi.

Berdasarkan keterangan di atas, ternyata sanad hadith Fatimah binti Asad melibatkan individu bernama Ruh bin Solah *al-Misri*. Antara ulama' hadith yang melemahkan kedudukan beliau ialah Ibn 'Adi. Selain itu, Ibn Hibban turut mengeluarkan nama Ruh bin Solah *al-Misri* daripada kitabnya *al-Tsiqat*. Diketahui umum Ibn Hibban akan memprotes nama-nama yang meragukan beliau sebagaimana termaktub dalam *al-Mizan*.⁸⁷

Oleh yang demikian, penguatan (*tawshiq*) al-

⁸⁶ *al-Radd 'ala Syubhat al-Mustani'in bi Ghairillah*, hlm. 55; al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah di dalam *Taysir al-Hamid*, hlm. 244-247; al-Syeikh Mahmud Syawil di dalam *al-Qawl al-Sadid 'ala al-Harazi al-'Anid*, hlm. 48-101.

⁸⁷ *al-Radd 'ala Syubhat al-Musta'iniyyin bi Ghairillah*, hlm. 55;

Hakim terhadap Ruh bin Solah *al-Misri* tidak diambil kira. Ini disebabkan Ruh bin Solah *al-Misri* termasuk ke dalam golongan yang dikategorikan sebagai mempermudah-mudahkan (*al-mutasammuh*) sebagaimana kenyataan al-Sakhawi.⁸⁸

al-Sahsawani turut mengulas berkenaan hadith 'Uthman bin Hunayf yang turut digunakan para penentang sebagai hujah. Ia seperti berikut:

Menerusi sanad hadith ini terdapat seorang individu bernama Abu Ja'far. Beliau adalah 'Isa bin Abi 'Isa, seorang pembantu kepada Abu Ja'far al-Razi al-Tamimi. al-Hafiz Ibn Hajar menyatakan keraguannya terhadap beliau sebagaimana ramai ulama' lain menyatakan kelemahannya. Ibn Hajar menyebut di dalam *al-Taqrib*: Abu Ja'far seorang yang benar (*sodug*) namun buruk dalam hafalan (*sai' al-hifz*). al-Nasa'ie berkata: Abu Ja'far seorang yang lemah (*laisa bi al-Qawi*). Menurut Ibn Majah: Abu Ja'far al-Madani seorang yang tidak dikenali (*majhul*).⁸⁹

al-Sahsawani ketika mengulas kedudukan hadith 'Uthman bin Hunayf berkata:

Hadith ini ini mengandungi perawi bernama 'Uthiyah al-'Awfi. Secara realiti, kecacatan beliau lebih besar dari keadilannya. Beliau dilemahkan disebabkan

⁸⁸ *Siyahah al-Insan*, hlm. 129.

⁸⁹ *Siyahah al-Insan*, hlm. 131, secara ringkas; al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah di dalam *Taysir al-Hamid*, hlm. 244-247.

dirinya seorang syi'ah yang tercela (*mudallas*). Beliau lemah dalam hafalan serta banyak melakukan kesalahan. Ini terbukti dalam sanadnya terdapat individu bernama Fudayl bin Marzuq. Beliau termasuk kategori golongan yang dikecam alim ulama hadith. Selain itu, di dalam sanadnya terdapat individu bernama al-Fadl bn Mawfaq Abu al-Jahm. Beliau dilemahkan oleh Abu Hatim dan Abu Asybah. Kata Abu Hatim: hadith ini terhenti kepada sahabat (*mawquf*).⁹⁰

Ini merupakan sebahagian penjelasan dalil yang digunakan para penentang dalam bertawassul menerusi kaedah yang tidak disyariatkan agama. (*al-tawassul bid'ah*). Namun kami tidak menyatakan huraian lengkap terhadap isu ini hanya sebagai peringatan serta perbandingan sahaja. Bagi memahami secara terperinci sila merujuk kepada hasil penulisan⁹¹ para pemimpin serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* disepanjang zaman.

⁹⁰ *Siyannah al-Insan*, hlm. 124-127. secara ringkas.

⁹¹ Antara hasil penulisan menarik untuk diberikan perhatian adalah seperti berikut:

1. *Qa'idah Jalilah fi al-tawassul wa al-Wasilah* karangan Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah.
2. *Risalah fi al-Tawassul* karangan Nasir al-Din al-AIBani.
3. *al-Tawsil ila Hakikah al-Tawassul*, Muhammad Nasib al-Rifa'i.
4. Beberapa rencana karangan Dr. Muhammad Khalil Harras, *al-Radd 'ala Kitab Hukm al-Tawassul bi al-Anbiya' wa al-Awliya'* karangan Muhammad Husnayn Makhluuf dan Majalah Fakulti Usuluddin karangan Muqbil bin Hadi al-Wadi'ie.

Jawapan terhadap kekeliruan antara *a-tawassul* dan *al-istigoshah*.

Pertama: Pengarang kitab *al-Tawdhih*.

Beliau menghuraikan seperti berikut:

Golongan penentang memahami lafaz *al-istigoshah* kepada selain Allah dengan makna *al-tawassul*. Di sisi mereka, ungkapan individu yang memohon seperti berikut: "Daku memohon dengan dzat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* atau dengan dzat sekian..sekian wali Allah" bermaksud daku bertawassul dengan mereka. Oleh yang demikian, para penentang mengharuskan ber*istigoshah* kepada Allah menerusi dzat para *anbiya'* serta solihin bagi memperolehi hajat. Ini kerana mereka mengertikan perbuatan ini sebagai *al-tawassul*. Jawapan terhadap perkara ini seperti berikut:

Pertama

Lafaz *al-istigoshah* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah serta percakapan orang arab hanya digunakan bagi menunjukkan makna menuntut sesuatu secara langsung dari individu tertentu bukan dengan menuntut secara penggunaan perantaraan (*al-tawassul*).

Sehubungan ini, para ilmuwan Islam bersepakat perbuatan ber*istigoshah* dalam perkara yang hanya Allah dapat memperkenankannya tidak harus dilakukan

melainkan kepada Dia sahaja. Oleh itu ungkapan daku memohon dengannya dengan makna daku bertawassul dengan *jah* (kedudukan)nya merupakan ungkapan yang tidak diucapkan di kalangan tokoh-tokoh terkemuka terdahulu. Ini sama ada secara hakikat mahupun kiasan.

Kedua

Tidak pernah dikatakan: "Daku memohon kepadamu dengan individu sekian..sekian agar engkau melakukan terhadapku sesuatu." Ungkapan sebenar yang dikatakan: "Daku memohon kepadamu agar melakukan terhadapku sesuatu." Pakar bahasa arab menyatakan individu yang menjadi tempat dipohon sesuatu itu merupakan individu yang melaksanakan tuntutan si pemohon. Tidak ada perantaraan antara kedua perkara ini.

Ketiga

Secara realiti, ungkapan berbunyi: "Daku bertawassul kepada-Mu wahai Tuhan dengan individu sekian..sekian" bermaksud ucapan ini ditujukan langsung kepada Allah. Ia tidak ditujukan kepada individu yang dijadikan tempat bertawassul. Ini berbeza apabila apabila ber *istigoshah* (meminta pertolongan) dengannya.

Keempat

Apa yang penting di sini, para *salaf al-soleh* di kalangan para sahabat *radiyallahu 'anhum*, mengertikan makna lafaz *al-tawassul* ini sebagai bertawassul kepada

Allah menerusi doa para *anbiya'* serta salihin. Ini sebagaimana kenyataan para *fuqaha'* menerusi hasil penulisan mereka.⁹²

Kedua: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika memperjelaskan perbezaan makna *al-tawassul* dengan *al-istigoshah*, beliau berkata:

Hakikatnya, perbezaan antara keduanya laksana jarak antara langit dengan bumi. Di mana individu yang bertawassul dalam doa mereka dengan para anbiya' atau salihin umpama ungkapan mereka: "Daku bertawassul kepada-Mu dengan Nabi-Mu atau malaikat-Mu atau para salihin-Mu atau dengan hak individu sekian..sekian.."

Individu ini tidak memohon serta menyeru kepada perantaraan mereka. Sebaliknya individu yang ber*istigoshah*, dia memohon kepada individu yang menjadi tempat permohonannya secara langsung. Tidak pernah didengari menerusi bahasa apapun di dunia ini, sesiapa yang mengatakan: "Daku ber*tawassul* kepada-Mu dengan Rasul-Mu atau ber*tawajjuh* kepada-Mu dengan Rasul-Mu" maka individu tersebut memohon dengan perantaraan tersebut.⁹³

⁹² *al-Tawdhih 'an Tauhid al-Khallaq*, hlm. 307-312.

⁹³ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 70.

Ketiga: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika memperjelaskan perbezaan antara makna *al-tawassul* dengan *al-istigoshah*, beliau berkata:

Ketahuiilah! *Bertawassul* dengan dzat makhluk atau dengan *jah* (kedudukan)nya berbeza dengan memohon atau berdo'a kepadanya. *Bertawassul* dengan dzat makhluk atau dengan *jah* (kedudukan)nya menerusi ungkapan seperti berikut:

"Ya Allah! Ampuni dosaku, rahmati daku serta masukkan daku ke dalam syurga dengan nabi-Mu Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* atau dengan *jah* (kedudukan) nabi-Mu Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*" atau dengan ungkapan yang menyamainya. Ia merupakan perbuatan bid'ah namun tidak syirik.

Sebaliknya memohon atau berdo'a kepadanya seperti ungkapan seperti berikut:

"Duhai Rasulullah! Daku memohon kepadamu pertolongan (syafaat) kerana daku di dalam kesusahan, lapangkanlah diriku atau daku memohon perlindunganmu dari sekian..sekian, maka lindungilah daku."

Ini merupakan ucapan yang dihukumkan sebagai kafir serta syirik besar (*al-Syirk al-Akbar*) yang mengeluarkan pelakunya dari agama Islam. Ini disebabkan dia meletakkan hak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kepada makhluk-Nya. Berdo'a tidak boleh dilakukan

kecuali kepada Allah. Sesiapa berdoa kepada Allah dia mengabdikan diri kepada-Nya. Sesiapa mengabdikan diri kepada selain Allah, dia melakukan perbuatan syirik.

Walaupun banyak dalil menyatakan perkara ini, masih ramai individu tidak membezakan antara bertawassul dengan makhluk atau *jah* (kedudukan)nya dengan memohon kepadanya. Fahamilah perkara ini dengan baik.⁹⁴

Keempat: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menjawab golongan yang mengharuskan perbuatan syirik dengan mengatasnamakannya sebagai bertawassul, beliau berkata:

Golongan *mulhid* yang ingin menyesatkan orang ramai tidak mempunyai dalil sama ada berdasarkan al-Qur'an mahupun al-Sunnah yang secara hakiki melarang melakukan perbuatan syirik dari sudut peribadatan kecuali kenyataan mereka: "Berkata Ibn Hajar al-Haythami, kata sekian..sekian, kata sekian..sekian" serta segala ungkapan yang membawa kerosakan lainnya. Ini bagi mengharuskan perbuatan bertawassul dengan dzat para salihin.

Kami menyatakan, ungkapan ini serta menyamainya bukan hujah yang dapat membebaskan diri

⁹⁴ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, Jil. 9, hlm. 234.

dari azab Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Hujah yang konkrit adalah bersumberkan kepada al-Qur'an serta al-Sunnah yang sahih dan apa yang disepakati para *salaf al-soleh*. Dalam konteks ini, betapa bagusnya kenyataan Imam Malik *rahimahullah*:

"Keseluruhan perkhabaran yang sampai kepada kami menerusi individu sekian..sekian yang berbelit-belit atau diputarbelitkan akan kami tinggalkan kecuali jika apa yang di bawa individu tersebut berdasarkan apa yang di bawa Jibril ke atas Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam."

Sekiranya Ibn Hajar al-Haythami serta individu seumpama dengannya menghendaki memohon kepada Allah dengan perantaraan para salihin maka ia tidak diharuskan kerana tidak berlandaskan kepada syari'at. Sekiranya apa yang mereka kehendaki ialah memohon kepada orang yang sudah mati serta meminta pertolongan kepada mereka, maka ia merupakan perbuatan syirik. Bukti kebatilannya banyak termaktub di dalam al-Qur'an.⁹⁵

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika membongkarkan kesesatan Ibn Jurjis di atas kesalahannya menyamakan konsep *bertawassul* kepada

⁹⁵ *al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah*, Jil. 2, hlm. 122-123.

Allah menerusi dzat orang yang sudah mati dengan ber*istigoshah* (meminta pertolongan) secara langsung kepada mereka, beliau berkata:

Kesalahan serta kesesatan Ibn Jurjis adalah kerana dia menjadikan ber*tawassul* kepada dzat individu setelah kematiannya menyamai ber*istigoshah* (meminta pertolongan) kepada mereka setelah kematiannya. Perkara ini menyalahi kaedah bahasa arab serta kenyataan tokoh-tokoh terkemuka. Ia sama ada secara hakikat mahupun kiasan walaupun Ibn Jurjis mendakwa perkara ini kononnya disepakati (*Ijma*).⁹⁶

Kenam: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika memperjelaskan perbezaan antara memohon kepada Allah dengan *Jah* (kedudukan) makhluk dengan memohon kepada makhluk dalam perkara yang hanya Allah dapat memperkenankannya, beliau berkata:

Ketahuiilah! Memohon kepada Allah dengan *Jah* (kedudukan) makhluk merupakan suatu persoalan, manakala memohon kepada makhluk dalam perkara yang hanya Allah dapat memperkenankannya merupakan suatu persoalan lain pula.

Para ilmuwan menegah perbuatan memohon

⁹⁶ *al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 143.

kepada Allah dengan *Jah* (kedudukan) hamba-Nya. Mereka tidak mengharuskan sesiapaapun melakukan perbuatan ini. Dalam hal ini, mereka mengikuti jejak langkah pemimpin empat madzhab serta seumpamanya di kalangan tokoh ilmuwan serta *muhaddithin*.

Walaupun bagaimanapun, Ibn 'Abd. al-Salam mengharuskan *bertawassul* dengan *Jah* (kedudukan) makhluk. Namun beliau hanya mengkhususkannya kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* sahaja. Tidak harus melakukannya kepada individu lain. Beliau mendasari perkara ini kepada sebuah hadith yang berkait dengan orang buta yang menziarahi Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* lalu berkata: "Wahai Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* mohonlah kepada Allah." Menurut Ibn 'Abd. al-Salam, sekiranya hadith ini sahih ia hanya dikhususkan kepada baginda sahaja. Hakikatnya hadith ini tidak boleh dijadikan hujah dalam perkara ini sebagaimana kenyataan para ilmuwan.

Secara umum, permasalahan *bertawassul* dengan *Jah* (kedudukan) makhluk tidak mengeluarkan seseorang insan dari konsep memohon kepada Allah. Namun memohon kepada hamba-Nya dengan menjadikannya sebagai maksud atau tujuan selain Allah dalam perkara yang hanya Allah dapat memperkenankannya merupakan perbuatan syirik yang nyata. Ini seumpama ungkapan: "Wahai wali Allah! Tolonglah daku."

Ternyata pemohon melakukan perkara yang

diharamkan. Dia memohon pertolongan kepada makhluk sepertimana kenyataan golongan kristian apabila berdoa: "*Wahai bonda Maria, tolonglah kami!*"⁹⁷

Ketujuh: al-Syeikh al-Suwaidi.

Perbezaan terletak kepada si penyeru, di mana jika dia bertawajjuh (bertumpu) kepada Tuhannya namun menggunakan perantaraan selain-Nya seperti berkata: "Ya Allah! Daku memohon kepada-Mu dengan Jah (kedudukan) atau hak atau kehormatan sekian..sekian." Adapun jika si penyeru bertawajjuh kepada selain Allah serta bertumpu kepadanya, maka dia melaukukan perbuatan syirik sebagaimana berdasarkan fakta kukuh.⁹⁸

Kelapan: al-Syeikh Sulayman bin Sahman.

al-Tawassul dibahagikan kepada dua bahagian. *al-Tawassul* yang disyari'atkan ialah bertawassul dengan amal salih, dengan doa Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* ketika baginda masih hidup serta doa para salihin yang masih hidup. Ia turut dikategorikan sebagai amal salih.

al-Tawassul yang tidak disyari'atkan merupakan

⁹⁷ *al-Barahin al-Islamiyyah fi Radd al-Syibhu al-Farsiyyah*, dalam bentuk manuskrip, Maktabah al-Su'udiyah, no. 359, 86.

⁹⁸ *al-Radd 'ala Syubhat al-Mustani'in bi Ghairillah*, hlm. 55;

perbuatan yang diharamkan. Ia dikategorikan sebagai bid'ah yang tercela. Antaranya ber*tawassul* dengan *Jah* (kedudukan), hak serta kehormatan seorang makhluk. Ini sama ada merujuk kepada seorang Nabi, wali mahupun individu salih. Perkara ini tidak termaktub dalam Sunnah Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mahupun perbuatan para sahabat serta tabi'in.

Apa yang penting, sekiranya dikehendaki dengan *al-tawassul* ini ialah memohon kepada *anbiya'*, wali serta salihin bagi memohon hajat serta menghilangkan dukacita, maka sesiapa yang memohon kepada selain Allah maka dia menjadi kafir musyrik sebagaimana disepakati kaum muslimin.⁹⁹

Berdasarkan penjelasan di atas, ternyata *al-tawassul* terbahagi kepada dua pembahagian. Ia merujuk kepada *al-tawassul* yang disyariatkan dan *al-tawassul* bid'ah yang diharamkan. Adapun para pencinta kubur mengertikan *al-tawassul* ini sebagai permohonan serta *beristigoshah* kepada orang yang sudah mati. Ia termasuk ke dalam *al-tawassul* pembahagian kedua. Berdasarkan perkara ini, tersingkap kesalahan golongan penentang menerusi kenyataan mereka mengertikan lafaz *al-tawassul* dengan makna *al-istigoshah*, *al-iltija'* (memohon

⁹⁹ *al-Sawaiq al-Mursalah al-Syahabiyah 'ala al-Syibhu al-Dahidoh al-Syamiyah*, Matba'ah al-Riyadh, 1376H, hlm. 7-8.

perlindungan) serta selainnya. Sikap ini hanya cobaan memutarbelitkan istilah serta menghiasi perkara syirik sehingga menipu masyarakat Islam. Dalam konteks ini, al-Syeikh Abu Buthayn mengulas seperti berikut:

Apabila syaitan menyadari setiap individu yang membaca serta mendengar al-Qur'an akan melarikan diri dari melakukan perkara syirik serta peribadatan selain Allah, syaitan akan melempar ke dalam hati golongan jahil suatu konsep, iaitu (persoan ini hanya merupakan) perbuatan *al-tawassul* atau permohonan menerusi perantaraan sahaja dan lain-lain yang seumpama dengan ini. Di mana syaitan merampas perkataan ibadat serta syirik dari hati mereka lalu memakaikannya dengan nama-nama yang hati manusia tidak akan melarikan diri daripadanya.¹⁰⁰

Secara realiti, perubahan nama-nama ini tetap tidak mengubah hakikat atau hukum asasi terhadap sesuatu. Golongan jahil ini tetap terjerumus melakukan perbuatan syirik. Sehubungan ini al-Syeikh Ibn Sahman mengulas:

Orang berakal memahami sikap golongan perosak Islam yang suka mengubah nama-nama hakikat sesuatu. Golongan ini mengatasmamakan beribadat kepada Allah sebagai perbuatan *bertawassul* atau mengambil berkat, atau memuliakan serta mengagungkan para salihin.

¹⁰⁰ *al-Intisar*, hlm. 13.

Namun apa yang penting, hakikat sesuatu bukan merujuk kepada nama serta istilah sahaja (tetapi apa yang terkandung di sebalik nama atau istilah itu).¹⁰¹

Kesembilan: al-Syeikh `Abd. Allah bin `Abd. al-Rahman Abu Buthayn.

Ketika membantah kebatilan dakwaan mereka bahawa memohon sesuatu kepada orang yang sudah mati hanya dikategorikan sebagai "sebab" sahaja, beliau berkata:

Kami tidak mengingkari menghubungkan segala sesuatu kepada penyebabnya. Namun Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* Pencipta kepada segala sebab. Oleh itu, bukan suatu kelaziman untuk bergantung kepada sebab sehingga menjadikannya tempat memohon serta menyatakan keinginan. Ini kerana ia tetap berfungsi sebagai makhluk sahaja. Semestinya seorang hamba meletakkan pergantungan, keinginan, permohonan serta pengabdian hanya kepada Pencipta sebab sahaja. Ya Allah!, hanya kepada-Mu kami menyembah serta memohon pertolongan.

Bagi menolak sumber kebatilan alasan memohon kepada selain Allah hanya sebagai sebab, mengapa tidak diharuskan kepada keseluruhan sebab lainnya. Contohnya

¹⁰¹ *al-Diya' al-Syariq*, hlm. 183.

firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Allah jua yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan. [al-Rum 30:48]

Jika berdasarkan teori mereka, seharusnya bagi manusia menuntut kepada angin agar menggerakkan kepada mereka awan. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* selanjutnya:

Alif - Lam - Ra. Ini ialah Kitab (al-Qur'an) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gulita kufur kepada cahaya iman. [Ibrahim 14:01]

Apa yang dikehendaki dengan gelap gelita di sini ialah kegelapan kejahilan, keraguan serta kekufuran dengan menukarkannya kepada keimanan. Berdasarkan teori "sebab" mereka, maka diharuskan untuk dikatakan: "*Wahai Rasulullah, keluarkan kami dari kegelapan kepada cahaya*"¹⁰²

Kesepuluh: al-Syeikh Salih Syutri.

Ketika membongkarkan kebatilan dakwaan Dahlan serta para pendokong fahamannya yang mengharuskan

¹⁰² *Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 5. Oleh itu sikap yang benar lagi bijak ialah berdoa kepada asal usul sebab, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukannya kepada sebab itu sendiri.

beristigoshah serta bertawassul kepada orang yang sudah mati selagi mana orang yang melakukannya meyakini Allah sahaja yang mencipta serta memberi bekas, beliau berkata:

Berdasarkan keyakinan si *mulhid* ini, ternyata Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam (nauzubillah min zalik)* melakukan kesalahan serta kezaliman kerana memerangi golongan musyrikin. Ini kerana golongan musyrikin juga tidak meyakini selain Allah sebagai pencipta serta dapat memberi bekas.

Apa yang menarik, si *mulhid* ini merobohkan kenyataannya sendiri apabila mengatakan: "si pemohon memohon kepada individu yang dapat menolongnya bagi menghasilkan hajat."

Berdasarkan kenyataan beliau, ternyata sesuatu penghasilan tidak dapat diperolehi melainkan kepada perantaraan yang dijadikan tempat memohon. Oleh yang demikian, beliau melakukan perkara bertentangan apabila menyatakan penentangan terhadap pegangan *al-Qadariyah al-Mujbirah* namun turut berkeyakinan seperti mereka pula. Ini disebabkan golongan ini meyakini seorang hamba dipaksa. Ia tidak mempunyai perbuatan pada hakikatnya. Semua perbuatan Allah belaka. Di mana sandaran kepada hamba hanya kiasan sahaja. Seolah olah si Dahlan ini tidak mendengar firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan tiadalah Kami menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri. [Hud 11:101]

Jelas di sini, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menetapkan perbuatan penganiayaan kepada golongan yang zalim, lantas menghukum mereka. Firman *Allah Subhanahu Wa Ta'ala* selanjutnya:

Dan orang-orang (kafir) itu merancang tipudaya dan Allah pula membalas tipudaya (mereka).
[Ali 'Imran 3:54]

Kesebelas: al-Syeikh Sahsawani.

Beliau menjawab kebatilan Dahlan yang mendakwa "golongan yang bertawassul serta beristigoshah kepada individu yang sudah mati tidak meyakini Allah sahaja yang memberi bekas" dengan berkata:

Pertama: Ini merupakan keyakinan ramai di kalangan orang awam serta kalangan tertentu (*khawwas*) terhadap para penghuni kubur. Mereka meyakini orang yang sudah mati dapat melakukan sesuatu yang Allah sahaja dapat melakukannya.

Kedua: Sekadar meyakini bahawa makhluk tidak dapat memberi bekas atau menjadikan sesuatu masih tidak dapat membebaskan seseorang individu daripada perbuatan syirik. Ini disebabkan golongan musyrikin turut meyakini Allah sahaja yang menjadikan serta

Mengurniakan rezeki. Perkara paling penting ialah mengikhhlaskan peribadatan hanya kepada Allah.

Ketiga: Dakwaan bahawa orang yang hidup serta yang sudah mati tidak berkuasa menjadikan sesuatu serta memberi bekas ke atas sesuatu tidak menunjukkan kedua-duanya mempunyai persamaan dalam segala sudut. Ini sehinggakan sanggup mengatakan harus *bertawassul* kepada yang sudah mati sebagaimana harus melakukannya kepada yang hidup. Dalam konteks ini, hadith sahih serta hasan menyebutkan makna *al-tawassul* sebagai memohon menerusi perantaraan doa orang yang hidup sebaliknya kedua kategori hadith ini tidak pula menyebutkan keizinan untuk *bertawassul* kepada orang yang sudah mati.¹⁰³

Keduabelas: al-Alusi.

Kenyataan bahawa yang menjadi tempat memohon sama ada yang masih hidup atau sudah mati mampu melakukan sesuatu dari sudut kuasa, usaha dan ikhtiar sehinggakan menjadikan mereka sebagai tempat memohon serta *beristigoshah* dalam perkara yang Allah sahaja dapat melakukannya, pada hakikatnya adalah tertolak.

Ini kerana keseluruhan usaha hamba masih tidak

¹⁰³ *Siyannah al-Insan*, hlm. 216, secara ringkas.

terkeluar dari kehendak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Dengan sebab ini, tidak dipohon kepada mereka perkara yang Allah sahaja dapat melakukannya. Selain itu, tidak pernah dikatakan kepada sesiapapun sama ada yang masih hidup atau sudah mati sama ada yang dekat mahupun berjauhan: "kurniakan rezeki kepadaku atau sembuhkan penyakitku." Perkara ini dikhususkan kepada Allah jua.

Akan tetapi yang harus dikatakan adalah apa yang sesuai dengan kemampuan usaha yang diperuntukkan Allah kepada mereka seperti: "tolongilah daku mengangkat peralatan ini." Sehubungan ini, al-Qur'an melarang memohon secara langsung kepada mereka. Ini sama ada terhadap yang hidup mahupun sudah mati di kalangan para *anbiya'* mahupun salihin. Ia sama ada dalam bentuk *al-istigoshah* atau selainnya.¹⁰⁴

Ketigabelas: al-Syeikh Ibn Sahman.

Golongan penentang mendakwa, pisau tidak memotong dengan dzat dirinya sendiri, hanya Allah sahaja sebagai Pemutus. Pisau hanya sebab yang dijadikan Allah yang menerusinya berlaku proses pemotongan. Terhadap dakwaan ini beliau berkata:

Ini merupakan kenyataan golongan *ahl al-bid'ah*

¹⁰⁴ *Fath al-Bayan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 347.

serta menuruti hawa nafsu. Ia bukan kenyataan golongan *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Kenyataan mereka mirip kenyataan (sebahagian) golongan tasawuf yang membuang sebab-sebab zahir. Ini kerana di sisi mereka, tiada sesuatu yang wujud di alam ini dapat menjadi sebab kepada sesuatu yang lain serta tiada sesuatu yang wujud di alam ini dapat menciptakan sesuatu. Oleh yang demikian, di sisi mereka kenyang bukan disebabkan oleh makan, ketaatan bukan sebab untuk diberi ganjaran pahala dan kemaksiatan bukan sebab untuk dijatuhkan hukuman.¹⁰⁵

Keempatbelas: al-Qasimi.

Secara realiti, wujud perbezaan ketara antara menyeru atau memohon kepada orang yang sudah mati dengan kenyataan manusia: musim bunga menumbuhkan tanaman atau air menumbuhkan rumput. Kenyataan pertama merupakan tuntutan manakala kenyataan kedua hanya sebagai maklumat. Perbezaan ketara antara keduanya diketahui umum.

Tidak semua yang diharuskan itu merupakan maklumat sehingga boleh menuntut sesuatu kepadanya. Bukti kepada perkara ini di mana suatu yang benar apabila dikatakan musim bunga menumbuhkan tanaman atau air menumbuhkan rumput. Namun tidak benar

¹⁰⁵ *al-Diya' al-Syariq*, hlm. 205 secara ringkas.

apabila dikatakan: wahai musim bunga tumbuhkanlah tanaman atau wahai air tumbuhkanlah rumput.¹⁰⁶

Golongan penentang juga lazim mendakwa tiada perbezaan antara yang hidup dan yang sudah mati. Ini disebabkan orang yang sudah mati hidup di dalam kubur. Oleh yang demikian, mereka dapat memahami serta merasai sebagaimana kehidupan di atas dunia. Dengan itu tidak ada perbezaan *bertawassul* kepada orang yang masih hidup atau sudah mati. Dakwaan ini dijawab seperti berikut:

Pertama: al-Syeikh Abu Buthayn.

Di manakah persamaan antara yang hidup dengan yang mati sehingga mengatakan dipohon dari yang mati apa yang dipohon dari yang hidup?

Diketahui umum, penduduk dunia memenuhi hajat antara sebahagian dengan sebahagian yang lain di kalangan mereka. Ia berlaku sama ada kalangan orang beriman, musyrik, orang yang melakukan kebaikan mahupun kemaksiatan. Dalam konteks ini, Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* pernah meminjam sebuah baju besi dari Safwan bin Umayyah, seorang musyrik.

Sehubungan ini, kaum muslimin berterusan memenuhi hajat sama ada sesama mereka atau kepada

¹⁰⁶ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathniyyah*, Jil. 2, hlm. 430.

kafir dzimmi, orang yang salih, orang yang melakukan kemaksiatan dan lain-lain.

Oleh yang demikian, menyatakan wujudnya persamaan antara kehidupan orang yang masih hidup dengan yang sudah mati sudah tertentu persamaannya melibatkan keseluruhan golongan yang dinyatakan. Dalam konteks ini, bagaimana mungkin golongan penentang mengatakan tuntutan hajat kepada orang yang sudah mati hanya dikhususkan terhadap para salihin sahaja? Ia tidak diharuskan terhadap golongan musyrik serta ahli kemaksiatan. Ternyata mereka menyanggah kenyataan asal kerana membezakan kehidupan kedua golongan tersebut (antara golongan beriman dengan golongan musyrik serta ahli kemaksiatan -penterjemah).

Kenyataan bahawa para salihin yang sudah mati hidup di dalam kubur mereka merupakan suatu kedustaan. Ia tidak bersumberkan kepada nas-nas yang sahih kecuali melibatkan kehidupan para *syuhada'* (orang yang mati syahid) yang tidak melibatkan penggunaan pancaindera mahupun akal fikiran. Namun Allah Maha Mengetahui hakikat kehidupan mereka. Adapun selain dari para *syuhada'* serta para *anbiya'* tidak ada keterangan berdasarkan nas yang sahih daripada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mengatakan mereka hidup di dalam kubur mereka.¹⁰⁷

¹⁰⁷ *Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 54.

Kedua: al-Syeikh Salih Syutri.

Diketahui umum menerusi fitrah manusia yang sejahtera akalnya, di mana golongan yang jahil sekalipun tahu membezakan antara menuntut sesuatu daripada orang yang hidup yang hadir di hadapan pemohon, dengan menuntut sesuatu kepada orang yang sudah mati atau tidak hadir. Di mana tidak ada persamaan antara keduanya kecuali bagi individu yang rosak fitrahnya disebabkan gangguan hawa nafsu serta syaitan terhadapnya.¹⁰⁸

Ketiga: al-Sahsawani.

Secara realiti, keupayaan yang hidup terhadap sesuatu berbanding yang sudah mati terbukti berdasarkan keterangan al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang bermaksud: "*Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.*" [al-Baqarah 2:286] dan sabda Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* yang bermaksud: "*Apabila mati seorang insan, maka terputus amalannya...*"¹⁰⁹

Sehubungan ini, menetapkan bahawa orang yang sudah mati berupaya menggunakan pancaindera, merasai, mengetahui sesuatu, melakukan sebarang tindakan serta

¹⁰⁸ *Ta'yid al-Mulk al-Manan*, helaian 49.

¹⁰⁹ Hadith riwayat Muslim. *Siyannah al-Insan*, hlm. 247-248.

berusaha dan berikhtiar walaupun secara batin menyalahi keterangan nas yang sahih.

Sebagaimana yang diketahui umum, keupayaan orang yang hidup melakukan keseluruhan perkara ini diketahui menerusi penyaksian. Sebagai suatu contoh, kita mengetahui had keupayaan seseorang mengangkat seketul batu menerusi penglihatan kita terhadap individu yang melakukan perkara tersebut. Sebaliknya keupayaan orang yang sudah mati tidak dapat dibuktikan kerana kita tidak dapat melihat dia melakukannya. Adakah keupayaannya sama seperti yang hidup? Atau melebihi atau kurang daripadanya? Lalu bagaimana jika sehingga sanggup pula memohon hajat kepada mereka?¹¹⁰

Keempat: Salah seorang ulama dakwah *al-Salafiyah*.

Mengqiyas terhadap orang yang sudah mati di kalangan para *anbiya* serta salihin terhadap keseluruhan perkara yang tidak mampu dilakukan kecuali Allah dengan membandingkannya terhadap kehidupan orang yang masih hidup yang mampu melakukan "sebab-sebab biasa" merupakan seburuk-buruk qiyas. Ini kerana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* membezakan antara keadaan orang yang hidup dengan yang sudah mati. Di mana tiada persamaan antara keduanya sebagaimana firman Allah

¹¹⁰ *Siyannah al-Insan*, hlm. 252-253, secara ringkas

Subhanahu Wa Ta'ala yang berbunyi:

Dan tidaklah sama orang-orang yang hidup dengan orang-orang yang mati. [Fatir 35:22]¹¹¹

Kelima: al-Alusi.

Golongan penentang juga mendakwa orang yang sudah mati di dalam kubur boleh mendengar doa orang yang hidup di dunia. Terhadap dakwaan ini beliau berkata:

Tiada keraguan di kalangan para ilmuwan terhadap permasalahan pendengaran golongan yang sudah mati. Keterangannya seperti berikut:

Pertama: Satu golongan ilmuwan berpendapat golongan yang sudah mati berupaya mendengar. Namun tidak boleh memohon kepada mereka untuk menunaikan hajat serta lain-lain perkara. Ini disebabkan tidak ada dalil syari'at yang membenarkan perbuatan demikian.

Kedua: Satu golongan lain berpendapat golongan yang sudah mati tidak boleh mendengar.

Perselisihan ini bukan sahaja melibatkan golongan terkemudian bahkan di kalangan golongan terdahulu. Namun golongan yang mengatakan orang yang sudah mati berupaya mendengar tetap menyatakan bahawa ia tidak dapat mendengar keseluruhan perkara sama ada secara

¹¹¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 837.

dekat mahupun jauh. Sesiapa yang berpandangan ia dapat mendengar keseluruhanya maka ia menyalahi persepakatan kaum muslimin.¹¹²

¹¹² *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 380.

Bahagian Keenam:

Membersihkan Salah Faham Berkenaan Larangan Memohon Syafaat kepada Nabi.

Golongan penentang mengemukakan kenyataan mengelirukan apabila mendakwa al-Syeikh al-Imam serta pendokong dakwah selepasnya melarang memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Dalam konteks ini, mereka turut mendakwa al-Syeikh al-Imam serta pendokong dakwah selepasnya turut melarang memohon syafaat kepada para *anbiya'* lainnya serta terhadap para salihin.¹¹³

Di antara tuduhan-tuduhan mereka adalah:

- **al-Qabbani.**

Dia mendakwa wujud perbezaan antara golongan musyrikin yang menjadikan patung berhala sebagai pemberi syafaat kepada mereka di sisi Allah dengan kaum muslimin – ini merupakan dakwaan Dia – yang memohon syafaat dari para *anbiya'* serta *awliya'*.

Dia mendakwa golongan musyrikin arab menjadi kafir bukan disebabkan mengambil para *awliya'* sebagai

¹¹³ Bagi memahami isu syafaat secara mendalam rujuk kitab *Syarh al-'Aqidah al-Tohawiyah* karangan Ibn Abi 'Izzi al-Hanafi, cetakan keempat, al-Maktab al-Islami, Beirut, hlm. 261-263.

pemberi syafaat bagi mendekati diri kepada Allah, tetapi kekafiran mereka kerana keyakinan terhadap para malaikat serta *awliya'* sebagai anak-anak lelaki dan perempuan Allah. Dia berkata:

Faktor penting kekafiran golongan musyrikin ialah keyakinan mereka terhadap para *anbiya'*, *awliyd* dan malaikat sebagai anak-anak lelaki dan perempuan Allah. Mahasuci Allah dari yang demikian itu.¹¹⁴

Peribadatan golongan musyrikin terhadap para *anbiya'* serta *awliyd* ialah dengan melakukan sujud kepada patung berhala bagi mendekati diri mereka kepada patung berhala tersebut.¹¹⁵

Berdasarkan kenyataan ini, al-Qabbani mengingkari mengkufurkan sesiapa yang mengatakan: "Wahai Rasulullah, berikanlah syafaat kepadaku!" Dengan sikap keji serta tidak ada perasaan malu, dia berkata sambil ditunjukkan kepada al-Syeikh al-Imam:

Engkau mengkafirkan hanya menerusi kenyataan manusia: "Wahai Rasulullah, berikanlah syafaat kepadaku!, Atau tolongilah daku!" Engkau menyamakannya laksana ungkapan seorang musyrik yang meyakini *al-Masih* sebagai Allah atau menyamai sembahannya terhadap patung berhala atau melakukan sembah terhadapnya. Di manakah bukti yang demikian itu wahai

¹¹⁴ *Fasl al-Khitob*, helaian 36.

¹¹⁵ *Fasl al-Khitob*, helaian 38.

si telinga panjang?¹¹⁶

- **Dawud al-Hamdani.**

Dia mengharuskan memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta *awliya'*. Perbuatan ini tidak memerlukan kepada keizinan Allah disebabkan Allah telahpun memberikan keizinan-Nya terhadap mereka untuk memberikan syafaat. Dia berkata:

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberi keizinan kepada kami untuk memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta *awliyd*. Perlu difahami, permohonan syafaat kepada mereka tidak perlu kepada keizinan Allah. Kami memahami, mereka mempunyai *Jah* (kedudukan) serta kemuliaan di sisi-Nya. Oleh itu apabila mereka memberikan syafaat, syafaat mereka diterima. Ini disebabkan Allah sudahpun mengizinkan mereka melakukannya.

Sehubungan ini, kami diizinkan untuk memohon kepada mereka serta menjadikan mereka pemberi syafaat di sisi-Nya. Oleh itu kami mengatakan kepada mereka: "Syafaatkanlah kami di sisi Allah supaya hajat kami diperkenankan."

Situasi ini menyamai keharusan salah seorang antara kami untuk berkata kepada yang lain: "Jadilah

¹¹⁶ *Fasl al-Khitob*, helaian 41.

'pengantara' antara daku dengan penguasa atau tolongilah daku menghadapi kejahatan sekian..sekian."¹¹⁷

Ketika menjawab al-Syeikh al-Imam, Dawud al-Hamdani berkata:

Si zindik al-Hijazi ini berkata: Allah mengurniakan kepadanya (Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* -penterjemah) *syafaat* namun dia (yakni al-Syeikh al-Imam) melarang dari memohonnya kepada baginda dengan menyandarkan kepada firman-Nya yang berbunyi:

Janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah. [al-Jin 72:18]

Salah kenyataannya ini! Memohon (atau seru) yang dilarang ayat di atas dengan makna beribadat. Sebaliknya memohon syafaat kepada seseorang itu bukan bermaksud menyembah si pemberi syafaat. Ia hanya menuntut kepadanya agar memberikan syafaat kepada pemohon di sisi Allah. Ini menyamai permohonan (doa) Nabi Yusuf kepada Allah terhadap salah seorang rakannya dipenjara. Ia tidak menunjukkan individu yang menuntut permohonan Nabi Yusuf itu menyembah Yusuf pula.

Si zindik al-Hijazi ini berkata lagi, Demikian juga *al-syafaat* turut dikurniakan kepada selain Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Berdasarkan bukti yang

¹¹⁷ *Izhaq al-Bathil*, helaian 35.

sahih, para malaikat dan *awliya'* Allah dapat memberikan syafaat. Adakah disebabkan perkara ini, kamu harus mengatakan: Allah mengurniakan kepada mereka *al-syafaat*. Maka daku memohonnya daripada mereka yang menerima kurniaan tersebut. Jika kamu mengatakan demikian, kamu kembali menyembah para salihin yang mana kisahnya dinyatakan Allah di dalam al-Qur'an.

(Dawud al-Hamdani kemudian menjawab) Si zindik al-Hijazi melakukan kesalahan dalam perkara ini. Kami menyatakan apabila kami memohon syafaat kepada para pemberi syafaat sama ada ia seorang Nabi, wali, seorang yang salih ataupun kepada seorang mukmin bukan bermaksud kami menyembahnya. Ia bukan perbuatan syirik.¹¹⁸

Dawud al-Hamdani ketika menyamakan ungkapan yang berbunyi: "Ya Allah! Izinkanlah Nabi kami Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk memberi syafaat kepada kami" dengan ungkapan "Ya Rasulullah! Daku memohon syafaat kepada engkau", berkata seperti berikut:

Apabila ternyata terhadap Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta keluarganya - syafaat diterima - dan mereka diizinkan untuk memberi syafaat, maka kami diperintahkan agar menuntutnya. Sehubungan ini, kami diberikan pilihan dalam memohon serta diizinkan untuk

¹¹⁸ *Izhaq al-Bathil*, helaian 35.

mengatakan: "Ya Allah! Izinkanlah Nabi kami Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk memberi syafaat kepada kami atau terimalah syafaat mereka kepada kami."

Ataupun sekiranya kami kehendaki, kami akan memohon seperti berikut: "Wahai wali Allah, syafaatkanlah kami di sisi Allah! Atau minta keampunan untuk kami di sisi Allah!" dan pelbagai ungkapan lagi.¹¹⁹

- **Muhammad bin 'Abd. al-Majid.**

Ketika memperjelaskan "keizinan" bukan merupakan syarat kepada pemberi syafaat, dia berkata:

Syafaat tidak bergantung kepada keizinan khusus. Namun ia bergantung kepada keredhaan serta pilihan Allah untuk memakbulkannya.¹²⁰

Sehubungan ini dia mempertahankan golongan yang memohon serta meminta syafaat kepada orang yang sudah mati menerusi kenyataannya:

Golongan musyrikin meyakini patung berhala mereka dapat memberi mudarat dan manfaat. Namun ini bukan keyakinan kaum muslimin yang memohon serta

¹¹⁹ *Izhaq al-Bathil*, helaian 53.

¹²⁰ *al-Radd 'ala al-Mubtadi'ah min al-Toifah al-Wahabiyyah*, hlm.

13.

meminta syafaat kepada seorang Nabi atau wali Allah.¹²¹

Ketika menjawab golongan yang membantah ketetapanannya, dia berkata:

Adapun terhadap pegangannya - merujuk kepada Imam Saud bin 'Abd. al-'Aziz - melarang memohon syafaat kepada mereka dengan berlandaskan firman Allah yang berbunyi:

Katakanlah: Syafaat itu semua hak kepunyaan Allah. [al-Zumar 39:44]

Kami menyatakan: sebagai muslim, kami tidak menafikan memohon kepada mereka syafaat bagi hajat kami sama ada di dunia mahupun di akhirat. Ini kerana syafaat mereka untuk kami setelah diizinkan Allah kepada mereka. Ia menerusi ilham atau selainnya yang hanya mereka sahaja mengetahuinya. Dalam konteks ini, syafaat yang mereka lakukan merujuk kepada permohonan mereka kepada Allah. Ini menyamai permohonan seorang mukmin kepada Allah terhadap saudaranya yang tidak hadir di hadapannya. Adapun maksud syafaat bergantung kepada "keizinan", ia merujuk kepada keredhaan serta pilihan Allah untuk memakbulkannya.¹²²

¹²¹ *al-Radd 'ala al-Mubtadi'ah min al-Toifah al-Wahabiyyah*, hlm.

16.

¹²² *al-Radd 'ala Ba'd al-Mubtadi'ah*, hlm. 47, secara ringkas.

- **al-Haddad.**

Dia mendakwa golongan musyrikin arab menjadi kafir menerusi kenyataan mereka Allah mempunyai anak. Ia bukan disebabkan mereka menjadikan patung berhala atau para *awliya'* sebagai pemberi syafaat yang dapat mendekatkan diri mereka kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Dia berkata seperti berikut:

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Zumar:

Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya." [al-Zumar 39:03]

Ia diikuti firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang menolak sesiapa yang menyandarkan kepadanya mempunyai anak:

Kalaulah Allah hendak mempunyai anak, tentulah Dia memilih mana-mana yang dikehendakinya dari makhluk-makhluk yang diciptakannya. Maha suci Dia (dari menghendaki demikian). Dialah Allah yang Maha Esa lagi yang mengatasi kekuasaan-Nya segala-galanya. [al-Zumar 39:04]

Kenyataan golongan musyrikin "mendampingkan kami" menunjukkan keyakinan mereka terhadap patung

berhala sebagai Tuhan. Ini sebagaimana penceritaan al-Qur'an terhadap mereka menerusi firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Ini untuk Allah - menurut anggapan mereka - dan ini untuk berhala-berhala kami. [al-An'am 6:136]

Sekiranya golongan musyrikin beriman kepada Allah, meyakini serta menerima risalah Nabi-Nya serta meyakini batu-batan hanya merupakan makhluk-Nya sudah pasti ia bermanfaat bagi mereka.¹²³

- **'Umar al-Mahbub.**

Dia mendakwa golongan wahabi mengingkari kebanyakan dari jenis-jenis *al-syafaat*. Dia berkata seperti berikut:

Kemungkinan engkau di kalangan golongan bid'ah yang mengingkari kebanyakan dari jenis-jenis *al-syafaat*.¹²⁴

¹²³ *Misbah al-Anam*, hlm. 18; Secara hakiki al-Haddad serta para penentang lain tidak memahami maksud keizinan Allah. Mereka tidak membezakan antara keizinan kedudukan dengan keizinan berasaskan perkara syariat. Mereka menyangka keizinan Allah kepada pensyafaat ini merujuk kepada kedudukan si pensyafaat sedangkan keizinan yang difahami pendokong dakwah al-Salafiyah ialah keizinan berasaskan perkara syariat. *Bayan al-Farq Bayn al-Izn al-Kawni al-Dini fi Kitab Syifa' al-Alil*, karangan Ibn al-Qayyim, hlm. 588.

¹²⁴ *al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 7.

- **Isma'il al-Tamimi.**

Dia menyatakan meminta syafaat kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* bukan bermaksud menyembah baginda. Ini kerana ia termasuk dalam perkara yang baginda berupaya melakukannya. Dia berkata:

Memohon syafaat kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* bukan bermaksud menyembah baginda. Apabila Allah menjanjikan pemberian syafaat kepadanya, maka dengan izin-Nya, Nabi dapat memberikan syafaat. Maka dengan memohon syafaat kepada baginda menyamai memohon kepada individu yang mampu melaksanakannya.¹²⁵

- **Ja'far al-Najafi.**

Syafaat merupakan suatu bentuk permohonan (doa). Ia merujuk permohonan kepada para *'anbiya'* serta *awliya'* supaya mereka memohon bagi pihak pemohon. Ungkapan yang terkandung di dalamnya dikhususkan untuk memohon keselamatan bagi pihak ketiga, atau menunaikan hajatnya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Ia menyamai permintaan engkau kepada sahabat engkau supaya memohon (berdoa). Tidak syak lagi, memohon syafaat kepada Nabi atau *awliya'* di atas dunia ini tidak lari dari maksud

¹²⁵ *al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 64.

sebegini.¹²⁶

- **Ahmad Zaini Dahlan.**

Ketika menjawab ketetapan pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* bahawa syafaat perlu mendapat keizinan Allah terlebih dahulu sebelum diterima, dia berkata:

Golongan yang mengingkari menziarahi (kubur - penterjemah) serta bertawassul (kepada orang yang sudah mati - penterjemah) melarang memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Mereka mengatakan Allah berfirman di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

Siapakah yang dapat memberikan syafaat di sisinya tanpa izin-Nya? [al-Baqarah 2:255]

Dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah. [al-Anbiya' 21:28]

Golongan ini menolak perbuatan memohon syafaat (di dunia - penterjemah) kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* (setelah kewafatan baginda - penterjemah) kerana tidak diketahui saat atau ketika mana Nabi memperoleh keizinan untuk memberikan syafaat kepada kaum muslimin.

Namun tidakkah mereka mengetahui, hadith-

¹²⁶ *Minhaj al-Rasyad*, hlm. 49-50, secara ringkas.

hadith yang sahih menyatakan baginda memberi syafaat kepada sesiapa yang memohon selepas azan: "*Allahumma Rabba hazihi al-Dakwah al-Tammah...*" hingga akhir doa yang terkenal ini?¹²⁷ Atau kepada sesiapa yang berselawat kepada baginda pada hari Jumaat, atau kepada sesiapa yang menziarahi kuburnya *sallallahu 'alayhi wa sallam*?

Hakikatnya, orang yang memohon syafaat seolah-olah bertawassul kepada Allah dengan Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* supaya dipelihara iman sehingga mereka meninggal dunia serta memperolehi syafaat baginda dan termasuk kalangan umat baginda.¹²⁸

- **al-Samanwudi.**

Ketika mengulas syarat yang ditetapkan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* bagi kemakbulan syafaat iaitu keizinan Allah terhadap pemberi syafaat untuk memberikan syafaat serta keridhaan Allah terhadap individu yang akan menerima syafaat, dia berkata:

Kenyataan bahawa golongan wahabi melarang perbuatan memohon syafaat ini diketahui umum. Namun bantahan mereka terhadap perkara ini tertolak. Kebatilan pandangan mereka ini berdasarkan hadith-hadith sahih yang menyatakan saat atau waktu keizinan

¹²⁷

Riwayat al-Bukhari.

¹²⁸

al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah, hlm. 33.

terhadap Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk memberikan syafaat kepada orang beriman serta keridhaan Allah terhadap penerimanya. Ia berdasarkan hadith-hadith mutawatir yang menyatakan para sahabat memohon syafaat kepada Allah menerusi Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*.¹²⁹

Ini (berdasarkan) pelbagai ayat al-Qur'an serta hadith serta yang seumpama dengannya. Ia menunjukkan keumuman perkara ini. Ia tidak dikhususkan sama ada ketika hidup atau mati sahaja.¹³⁰

al-Samanwudi mendakwa memohon syafaat termasuk ke dalam perkara "sebab":

Hakikatnya, syafaat diperolehi dengan izin Allah. Namun bagi seorang muslim yang ingin memperolehinya, hendaklah mencari sebab. Adapun kemakbulannya terletak kepada ketetapan Allah bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Jika Dia tidak menghendaki ia tidak akan terhasil. Ini merupakan keyakinan kaum muslimin yang tidak meyakini selainnya. Oleh yang demikian, apa yang mereka maksudkan dengan memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta salihin hanyalah sebagai "sebab" bagi memperolehi apa yang diinginkan.¹³¹

¹²⁹ *Sa'adah al-Darayn*, Jil. 2, hlm. 2.

¹³⁰ *Sa'adah al-Darayn*, Jil. 2, hlm. 6.

¹³¹ *Sa'adah al-Darayn*, Jil. 2, hlm. 6.

- **al-Tabataba'ie.**

Dia mengatakan golongan wahabi menetapkan perkara syafaat, namun mereka melarang memohon perkara ini di dunia ini. Ketika membantah kenyataan sebegini dia berkata:

Golongan wahabi mengatakan *al-syafaat* kepada para *anbiya'* serta *awliya'* terputus di atas dunia. Ia hanya terjadi ke atas mereka ketika hari akhirat nanti. Oleh yang demikian jika seorang hamba menjadikan antaranya dengan Allah perantaraan di kalangan hamba-Nya serta memohon syafaat kepada mereka ia melakukan perbuatan syirik serta peribadatan kepada selain Allah. Oleh yang demikian, golongan wahabi mengharuskan dalam permohonan menyebut ungkapan seperti berikut:

"Ya Allah! Jadikanlah kami di kalangan yang memperolehi syafaat Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*."

Namun mereka tidak mengharuskan menyebut ungkapan yang berbunyi: "Wahai Muhammad! Syafaatkan diriku kepada Allah."

Dia menambah:

Golongan Imamiyyah¹³² berpendapat syafaat itu ditetapkan terhadap Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*, para salihin dan malaikat yang *al-muqarrabin*. Oleh yang

¹³² Al-Tabataba'ie adalah seorang tokoh Syi'ah Imamiyah.

demikian, diharuskan memohon syafaat kepada mereka sebagaimana penetapan al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun Ibn 'Abd. al-Wahhab mengatakan, Allah mengurniakan kepadanya (Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*) *al-syafaat* namun dia juga melarang kamu menuntut kepadanya.

Ini merupakan kenyataan mirip seorang penyair yang dipenuhi imajinasi sahaja. Ia seolah-olah menyatakan Allah mengurniakan kepada Nabi-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam* telaga *haudh* di hari akhirat kelak, namun Dia melarang pula manusia mengambil faedah daripadanya. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik, nescaya ia akan memperolehi bahagian (pahala) daripadanya. [al-Nisa' 4:85]

Ayat ini merupakan dalil di atas keharusan terjadinya syafaat yang baik di kalangan kaum muslimin antara satu sama lain.¹³³

- **'Abd. al-Rauf al-Rafidhi.**

Ketika mengharuskan memohon syafaat kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*, dia berkata:

Hukum syariat membenarkan perkara ini. Ia

¹³³ *al-Barahin al-Jaliyyah*, hlm. 17-18.

bukan perbuatan syirik mahupun pegangan kaum musyrikin. Penjelasan terhadapnya adalah, tidak ada sebarang keraguan bahawa perbuatan sujud kepada selain Allah dihukumkan sebagai syirik. Dalam konteks ini, Allah memerintahkan malaikat *al-muqarrabin* supaya sujud kepada Adam lantas kesemuanya tunduk patuh mentaati perintah-Nya. Sekiranya ia bukan perintah Allah serta dilakukan menerusi bentuk ketaatan yang diterima-Nya, maka jadilah perbuatan malaikat ini syirik serta kafir kerana sujud kepada selain Allah. Dalam hal ini, *Khatim al-anbiya'* lebih baik dari pembuka para *anbiya'* bahkan dari keseluruhan *anbiya'* lainnya. Memohon syafaat menerusinya lebih mudah dari perbuatan sujud.¹³⁴

- **al-'Amili.**

Dia mendakwa diharuskan memohon syafaat daripada sekalian orang mukmin sama ada yang masih hidup atau yang sudah mati. Ini disebabkan perbuatan ini mirip dengan permohonan (doa). Dia berkata:

Memohon syafaat dari orang lain laksana memohon doa daripadanya. Ternyata keharusan memohon doa dari sesiapa sahaja di kalangan kaum muslimin. Oleh yang demikian, diharuskan memohon syafaat kepada Allah menerusi perantaraan setiap kaum muslimin

¹³⁴ *Fasl al-Khitob*, helaian 39, secara ringkas.

terutama kepada para *anbiya'* serta salihin. Dan lebih utama lagi jika dilakukan terhadap penghulu para *anbiya' alayhimussolatuwassalam*.¹³⁵

al-'Amili mendakwa para penyembah patung berhala melakukan perbuatan syirik bukan disebabkan mengambil patung berhala sebagai pemberi syafaat mereka di sisi Allah. Dia memperjelasannya seperti berikut:

Golongan musyrikin tidakpun mengetahui perkara ini. Mereka menjadi kafir serta melakukan perbuatan syirik disebabkan mengingkari para Rasul serta melakukan peribadatan menyembah patung berhala.¹³⁶

al-'Amili turut mengingkari menuntut syafaat di dunia ini hanya dilakukan kepada Allah sahaja. Dia berkata:

Golongan wahabi menyatakan syafaat merupakan suatu kebenaran. Namun ia tidak dipohon di atas dunia melainkan kepada Allah sahaja. Sekiranya ia merupakan suatu kebenaran mengapa ditegah melakukannya di atas dunia? Di manakah dalil yang menyatakan demikian?¹³⁷

Golongan wahabi menyalahi *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* dalam persoalan *al-syafaat*. Mereka melakukan kesalahan kerana menyempitkan makna syafaat. Mereka

¹³⁵ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 242.

¹³⁶ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 251.

¹³⁷ *Kasyf al-Irtiyab*, hlm. 260..

mengatakan memohon syafaat dengan *Jah* (kedudukan) seseorang itu tidak mungkin berlaku dan sesiapa yang meyakinkannya kufur.¹³⁸

- **al-Audarbadi.**

Ketika mengharuskan memohon syafaat kepada para *awliya'*, dia berkata seperti berikut:

Memohon syafaat kepada mereka selaras dengan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah. [al-Anbiya' 21:28]

Keizinan menerima syafaat mereka selaras dengan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Siapakah yang dapat memberikan syafaat di sisinya tanpa izin-Nya? [al-Baqarah 2:255]

Berdasarkan penjelasan golongan-golongan penentang di atas, kesimpulan keyakinan mereka adalah seperti berikut:

1. Golongan penentang mendakwa sebab yang mewajibkan mengkafirkan golongan musyrikin ialah

¹³⁸ *al-Mu'taqid al-Muntaqid*, Maktabah al-Haqiqah, Istanbul, 1983, hlm. 136.

keyakinan mereka terhadap para *anbiya'* serta malaikat sebagai anak-anak lelaki dan perempuan Allah dan kerana meyakini sembahannya mereka itu dapat memberi manfaat dan mudarat. Ia bukan berpunca dari menjadikan para *anbiya'* serta malaikat pemberi syafaat yang dapat mendekatkan mereka kepada Allah.

2. Golongan penentang mengharuskan memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta *awliya'* di atas dunia. Ini disebabkan Allah mengizinkan mereka melakukannya. Sebahagian mereka mendefinisikan keizinan ini merujuk kepada keredhaan serta pilihan Allah.
3. Golongan penentang menafikan perbuatan memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta *awliya'* sebagai perbuatan beribadat kepada mereka. Ia hanya seumpama permohonan (doa) seorang muslim terhadap saudaranya.
4. Golongan penentang mengharuskan memohon syafaat sama ada terhadap yang masih hidup atau yang sudah mati.
5. Golongan penentang memohon syafaat kepada para *anbiya'* serta *awliya'* kerana perbuatan ini termasuk ke dalam keupayaan para *anbiya'* serta *awliya'* melakukannya.

Jawapan Para Pemimpin Serta Pendokong Dakwah *al-Salafiyyah* Dalam Persoalan *al-Syafaat*.

Pertama: al-Syeikh al-Imam.

Beliau memperjelaskan kekeliruan golongan penentang yang menjadikan para salihin sebagai pemberi syafaat serta pengantara antara mereka dengan Allah, tempat memohon dan berharap sesuatu. Keadaan mereka ini menyamai golongan musyrikin yang diperangi Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ini disebabkan mereka menjadikan patung berhala atau para *awliya'* sebagai pemberi syafaat bagi mendekatkan diri mereka kepada Allah dengan sedekat-dekatnya walaupun tetap meyakini Allah sahaja yang memberi manfaat serta mudarat. Beliau menyatakan seperti berikut:

Secara realiti, musuh-musuh Allah melakukan banyak perkara yang menyalahi *al-din* para rasul *'alayhimussolatuwassalam* sehingga menghalangi manusia dari jalan-Nya. Mereka menyatakan: Kami tidak mempersekutukan Allah, sebaliknya kami naik saksi bahawa tidak ada yang mencipta, memberi rezeki, memberi manfaat serta mudarat kecuali Allah yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya, bahawa Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta Abd. al-Qadir tidak berkuasa untuk memberi manfaat serta mudarat. Namun daku seorang yang berdosa sedangkan para salihin ini

mempunyai *Jah* (kedudukan) di sisi Allah. Oleh yang demikian daku memohon kepada Allah menerusi perantaraan mereka.

Jawapan terhadap perkara ini adalah, golongan yang diperangi Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mengakui perkara ini. Mereka meyakini patung berhala tidak dapat mengurus/memperhatikan (*tadabbur*) segala sesuatu. Oleh itu mereka hanya menghendaki *Jah* (kedudukan) serta syafaat mereka sahaja. Di mana kisah golongan sebegini dinyatakan al-Qur'an.

Jika ada yang mengatakan: ayat-ayat al-Qur'an ini diturunkan kepada golongan yang menyembah patung berhala. Bagaimana engkau menjadikan para salihin umpama patung berhala? Jawapannya seperti berikut:

Golongan kuffar meyakini ketuhanan (*al-Rububiyah*) Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Oleh itu apa yang mereka kehendaki terhadap patung berhala ialah *al-syafaat*. Namun apabila ada yang cuba membezakan antara perbuatannya dengan perbuatan golongan kuffar ini, katakan seperti berikut:

Golongan kuffar ada yang menyembah patung berhala dan ada yang memohon kepada para salihin sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti berikut:

Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingi diri kepada

Tuhannya (dengan berbuat ibadat), siapa pun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu adalah (perkara yang semestinya) ditakuti. [al-Isra' 17:57]

Selain itu, ada pula yang memohon kepada Nabi 'Isa 'alayh al-salam serta bondanya dan memohon kepada para malaikat.

Katakan kepadanya: Ketahuilah engkau! Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mengkafirkan sesiapa yang menjadikan patung berhala sebagai tempat tujuan. Dia juga mengkafirkan sesiapa yang menjadikan para salihin sebagai tempat tujuan. Mereka merupakan golongan yang diperangi Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.

Sekiranya dia beralasan: Golongan kuffar menjadikan patung berhala sebagai tempat tujuan namun daku naik saksi Allah jua yang dapat memberi manfaat, mudarat serta memperhatikan segala urusan. Daku tidak menghendaki melainkan Dia. Daku hanya mengharap memperolehi syafaat mereka sahaja. Jawapannya seperti berikut:

Ini menyamai kenyataan golongan kuffar. Ia berdasarkan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong

(sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya." [al-Zumar 39:03]

Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah. [Yunus 10:18]

Ketahuiilah! inilah kekeliruan besar yang mereka lakukan.¹³⁹

al-Syeikh al-Imam seterusnya menetapkan konsep serta syarat memperoleh *al-syafaat*. Beliau turut memperjelaskan kenyataan: Allah mengurniakan syafaat kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*, oleh itu daku memohonnya dari individu yang menerima kurniaan tersebut. Ia seperti berikut:

Jika seseorang berkata: Adakah kamu menolak *al-syafaat* Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta berlepas diri daripadanya? Katakanlah: Daku tidak mengingkari serta berlepas diri daripadanya. Baginda adalah pemberi *al-syafaat*, di mana syafaat baginda diterima. Namun keseluruhan *al-syafaat* merupakan hak milik Allah. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa*

¹³⁹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 161; lihat juga hasil penulisan al-Syeikh al-Imam yang memperjelaskan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* memerangi golongan kuffar yang menjadikan patung berhala mereka sebagai tempat tujuan memperoleh syafaat. *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 200, 398.

Ta'ala yang berbunyi:

Katakanlah: Syafaat itu semua hak kepunyaan Allah. [al-Zumar 39:44]

Syafaat tidak akan terjadi kecuali setelah mendapat keizinan Allah sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

Siapakah yang dapat memberikan syafaat di sisinya tanpa izin-Nya? [al-Baqarah 2:255]

Tidak ada sesiapa yang dapat memohon syafaat kepada seseorang itu melainkan selepas mendapat keizinan Allah. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi. [Ali Imran 3:85]

Oleh yang demikian, sekiranya keseluruhan syafaat kepunyaan Allah, dan ia tidak terjadi melainkan setelah mendapat keizinan-Nya, maka Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta selain baginda tidak dapat memberi syafaat kepada sesiapa pun jua melainkan setelah mendapat keizinan Allah. Dalam konteks ini, Allah hanya memberi keizinan-Nya kepada baginda untuk memberi syafaat kepada *ahli al-Tauhid*. Oleh itu, apabila jelas kepada engkau bahawa keseluruhan syafaat kepunyaan Allah, maka mohonlah kepada-Nya.

Ucapkanlah seperti berikut:

"Ya Allah! Janganlah daku diharamkan menerima syafaatnya" atau "Izinkan beliau memberi syafaat kepadaku."

Sekiranya seseorang berkata: Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* dikurniakan syafaat. Maka daku memohonnya daripada individu yang menerima kurniaan tersebut. Jawabannya begini:

Allah mengurniakan kepadanya *al-syafaat* namun dia juga melarang kamu (dari memohon terus kepada baginda -penterjemah) sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

Janganlah kamu seru dan sembah sesiapaun bersama-sama Allah. [al-Jin 72:18]

al-Syafaat turut dikurniakan kepada selain Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Berdasarkan bukti yang sahih, para malaikat, *awliya'* Allah serta kanak-kanak yang meninggal dunia dapat memberi syafaat. Adakah disebabkan perkara ini, kamu harus mengatakan: Allah mengurniakan kepada mereka *al-syafaat*. Maka daku memohonnya daripada mereka yang menerima kurniaan tersebut. Jika kamu mengatakan demikian, kamu kembali menyembah para salihin yang mana kisahnya dinyatakan Allah di dalam al-Qur'an. Sekiranya kamu mengatakan tidak, maka terbatallah kenyataan kamu: Allah mengurniakan kepadanya *al-syafaat*. Maka daku

memohonnya daripada individu yang menerima kurniaan tersebut.¹⁴⁰

al-Syeikh al-Imam menjawab pertuduhan terhadapnya kononnya beliau mengingkari syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia seperti berikut:

Mereka mendakwa kami mengingkari syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Kami mengatakan: Mahasuci Engkau Ya Allah! Ini hanya pembohongan yang amat nyata. Sebaliknya kami naik saksi bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sebagai pemberi syafaat. Memiliki *maqam* yang terpuji. Kami memohon kepada Allah, Tuhan yang memiliki 'Arash yang Agung agar kami memperolehi syafaat baginda. Ini merupakan pegangan kami serta pegangan *al-salaf al-soleh*. Mereka golongan yang paling mengasihani Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta paling teguh dalam mengikuti cara hidup baginda.¹⁴¹

al-Syeikh al-Imam menyatakan syafaat tidak dipohon di dunia melainkan kepada Allah. Ia juga tidak dipohon kepada para *anbiya'* serta *awliya'* setelah kewafatan mereka. Beliau berkata:

al-Syafaat adalah benar. Namun ia tidak dipohon di atas dunia melainkan kepada Allah. Ini sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

¹⁴⁰ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 165-167.

¹⁴¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 48.

***Janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun
bersama-sama Allah. [al-Jin 72:18]***

***Dan janganlah engkau menyembah atau
memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat
mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak
dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu,
sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka
pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang
yang berlaku zalim. [Yunus 10:106]***

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* merupakan penghulu kepada orang yang memberi syafaat. Adam *'alayh al-salam* serta pemberi syafaat lain keseluruhannya di bawah bendera baginda. Namun mereka tidak memberikan syafaat melainkan dengan izin Allah. Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sendiri menyatakan baginda tidak terus memberikan syafaat namun akan sujud dahulu kepada Allah serta memujinya. Setelah melakukan demikian, baginda akan diberitahu:

"Angkatkanlah kepalamu, katakanlah, ia akan didengari; mintalah, ia akan diberikan kepadamu; mintalah syafaat, ia akan dikurniakan kepadamu."

Ini merupakan persepakatan para *al-salaf al-soleh*, tabi'in, imam empat madzhab serta kaum muslimin sekalian.¹⁴²

¹⁴² *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 113, secara ringkas.

Berdasarkan keterangan ini, tidak dipohon syafaat Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* di atas dunia ini selepas kewafatan baginda. Ini kerana tidak wujud dalil yang membenarkan perbuatan ini. al-Syeikh al-Imam menyatakan seperti berikut:

Kenyataan mengatakan syafaat dipohon setelah kewafatan baginda *sallallahu 'alayhi wa sallam* memerlukan kepada dalil berdasarkan al-Qur'an, sunnah Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta persepakatan kaum muslimin. Di mana kebenaran adalah lebih berhak untuk diikuti.¹⁴³

al-Syeikh al-Imam menetapkan bahawa menuntut syafaat kepada para salihin yang sudah mati menyalahi serta mengingkari *Tauhid al-'Ibadah*. Beliau berkata:

Golongan jahiliyyah melakukan pengabdian dengan melibatkan para salihin dalam permohonan serta peribadatan mereka kepada Allah. Mereka menginginkan syafaat para salihin dengan sangkaan mereka bahawa Allah serta para salihin menyukai perbuatan ini. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan mereka menyembah yang lain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka

¹⁴³ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 48.

pula berkata: mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah.
[Yunus 10:18)

Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingi kami kepada Allah sedamping-dampingnya." [al-Zumar 39:03]

Ini merupakan isu utama perselisihan mereka dengan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Baginda membawa ajaran yang mengajarkan konsep keikhlasan dalam pengabdian dengan memberitahu bahawa ia merupakan *al-Din* yang menerusinya diutuskan sekalian *anbiyd*. Di mana Allah tidak menerima sesuatu amalan melainkan dengan ikhlas.¹⁴⁴

Kedua: al-Imam 'Abd. al-'Aziz (Pertama).

Ketika membantah dakwaan tidak perlu keizinan Allah dalam perkara *al-syafaat*, beliau berkata seperti berikut:

Allah Subhanahu Wa Ta'ala menghalang *al-syafaat* dimiliki sesiapaupun tanpa keizinan-Nya. Tidak ada pemberi syafaat di sisi-Nya sama ada dia seorang

¹⁴⁴ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 334.

Nabi, raja dan sebagainya melainkan di atas keizinan-Nya. Sesiapa yang memohon syafaat kepada selain-Nya tanpa keizinan-Nya maka dia mempersekutukan-Nya bagi mencapai maksud tersebut. Sehubungan ini, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman yang bermaksud:

Katakanlah: Syafaat itu kesemuanya kepunyaan Allah. [al-Zumar 39:44]¹⁴⁵

al-Imam 'Abd. al-'Aziz seterusnya menyatakan syafaat bergantung kepada kriteria tertentu bukan terletak kepada individu. Ketika menyebut tingkahlaku golongan yang memohon syafaat kepada orang yang sudah mati, beliau berkata seperti berikut:

Golongan ini ingin agar kami membenarkan sekian..sekian individu sebagai pemberi syafaat atau menjadikannya sebagai jalan perantaraan. Kami nyatakan:

Para penyeru ini meyakini terhadap orang yang sudah mati sehingga memohon kepada mereka bagi menghilangkan dukacita, menghapuskan penyakit serta mengurniakan rezeki.

Hakikatnya *al-syafaat* benar di akhirat kelak. Ia terdiri dari beberapa jenis yang ditetapkan kedudukannya. Menjadi kewajipan kepada setiap kaum muslimin beriman kepada syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta pemberi syafaat lainnya. Ia

¹⁴⁵ *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 14.

ditetapkan berdasarkan kriteria tertentu bukan terletak kepada individu.

Pengecualian terhadap perkara ini merujuk kepada syafaat *al-Udzma*. Ia diperuntukkan kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk sekalian manusia yang mati dalam keadaan tidak mensyirikkan Allah. Ini sebagaimana termaktub dalam hadith yang diriwayatkan Abu Hurayrah *radiyallahu 'anh* di mana Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

*Setiap Nabi mempunyai sebuah permohonan yang dimakbulkan. Namun daku menanggukannya untuk memberi syafaat kepada umatku. Ia diperuntukkan untuk kamu - Insya' Allah - bagi sesiapa yang mati dalam keadaan tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatu.*¹⁴⁶

Ketiga: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika menetapkan keyakinan terhadap *al-syafaat*, beliau berkata:

Kami menetapkan *al-syafaat* terhadap Nabi kami Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* pada hari kiamat

¹⁴⁶ Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim. *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 12.

sebagaimana termaktub berdasarkan nas. Kami juga menetapkannya terhadap sekalian para *anbiya'*, *al-awliya'* serta kanak-kanak sebagaimana termaktub berdasarkan nas.

Kami memohon perkara ini kepada pemilik syafaat tersebut iaitu Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Dia mengizinkan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di kalangan golongan yang mentauhidkan-Nya. Oleh yang demikian, seseorang itu diizinkan untuk mengatakan:

"Ya Allah! Izinkanlah Nabi kami Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* untuk memberi syafaat kepada kami di hari akhirat nanti" atau "Ya Allah! Izinkanlah para salihin atau malaikat-Mu atau sebagainya untuk memberi syafaat kepada kami."

Atau menerusi ungkapan menyamainya yang hanya boleh dipohon kepada Allah bukan selain-Nya. Oleh itu tidak diperbolehkan untuk mengatakan:

"Ya Rasulullah! (atau) Wahai wali Allah! Daku memohon syafaat kepada engkau atau tolongilah daku atau sembuhkanlah penyakitku atau tolongilah daku menghadapi musuhku."

Atau ungkapan menyamainya yang secara hakiki hanya Allah sahaja yang dapat memperkenankannya.¹⁴⁷

¹⁴⁷ *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 42; lihat juga kenyataan menyamainya yang terdapat dalam risalah karangan al-Syeikh Muhammad

Keempat: al-Syeikh Hamad bin Nasir bin Mu'ammam.

Ketika memperjelaskan bahawa syafaat keseluruhannya kepunyaan Allah yang Maha Esa, di mana ia tidak berlaku kecuali menerusi syarat-syarat tertentu: iaitu keizinan kepada pemberi syafaat untuk memberikan syafaat serta keredhaan Allah terhadap individu yang akan menerima syafaat, beliau berkata:

al-Syafaat keseluruhannya milik Allah. Tidak ada seorangpun berupaya memberikan syafaat kecuali setelah mendapat keizinan-Nya. Allah tidak mengizinkan kecuali kepada sesiapa yang diredhai perkataan serta amalannya. Dia juga hanya meredhai terhadap *ahl al-Tauhid*.

Diketahui umum, seafdhal-afhal makhluk di sisi-Nya ialah para Rasul serta malaikat *al-Muqarrabin*. Mereka merupakan hamba-Nya yang tulus yang sepenuh jiwa raga mematuhi perintah-Nya serta tidak melakukan sesuatu melainkan dengan izin serta perintah-Nya. Allah mengizinkan sesiapa yang dikehendaki-Nya untuk memberikan syafaat.

Oleh itu, kekallah perkara ini hak mutlak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Sesiapa yang memberikan syafaat, maka dia melaksanakannya dengan izin serta perintah-

bin 'Abd. al-Latif yang disertakan di dalam kitab *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 107.

Nya. Ini merupakan kehendak-Nya yang amat Mengasihani para hamba-Nya.¹⁴⁸

Kelima: Pengarang kitab *al-Tawdhiih*.

Beliau menetapkan syarat keridhaan Allah sebelum seseorang itu memperolehi syafaat. Manakala kepada pemberi syafaat, syarat yang ditetapkan ialah mendapat keizinan-Nya terlebih dahulu. Beliau berkata:

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tidak menafikan konsep *al-syafaat*. Namun Dia menetapkan ia tidak berlaku atau tidak bermanfaat kecuali sesiapa yang diizinkan-Nya untuk menerima syafaat. Sehubungan ini, *al-syafaat* hanya terlaksana setelah Dia meredhai terhadap sesiapa yang berhak menerimanya. Ini menyalahi golongan yang memohon syafaat di kalangan manusia. Secara realiti mereka memohon syafaat kepada mereka yang tidak diizinkan Allah atau sebelum mendapat keizinan-Nya terlebih dahulu. Ini sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

***Siapakah yang dapat memberikan syafaat di sisinya tanpa izin-Nya?* [al-Baqarah 2:255]**

Juga firman Allah:

¹⁴⁸ *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 61; Hasil penulisan al-Syeikh Hamad bin Nasir bin Mu'ammam di dalam *Majmu'ah al-Rusul wa al-Masail*, Jil. 4, hlm. 207.

diizinkan-Nya.¹⁴⁹

Keenam: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika memperjelaskan kesesuaian petikan al-Syeikh al-Imam dalam bab "*al-syafaat*" menerusi kitabnya "*al-Tauhid*", beliau berkata:

Golongan musyrikin sejak dahulu hingga kini, terbabas melakukan perbuatan syirik disebabkan pergantungan atau ketundukan mereka terhadap perkara syafaat. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

Dan mereka menyembah yang lain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah.
[Yunus 10:18)

Oleh yang demikian, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mencela sikap golongan musyrikin serta memberitahu bahawa ia merupakan perbuatan syirik yang menjauhkan

¹⁴⁹ *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 42; lihat juga kenyataan menyamainya yang terdapat dalam risalah karangan al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Latif yang disertakan di dalam kitab *al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 107.

pelakunya dari Tuhannya. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* turut menafikan sekalian makhluk-Nya mempunyai pelindung atau pemberi syafaat (selain diri-Nya). Ini sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy; Kamu tidak akan beroleh sebarang penolong dan pemberi syafaat selain dari Allah. Oleh itu tidakkah kamu mahu insaf dan mengambil i'tibar. [al-Sajdah 32:04]

Apa yang dikehendaki al-Syeikh al-Imam di sini, beliau berhujah bahawa perbuatan ini merupakan sumber kepada perkara syirik. Syafaat yang disangkakan sebagai permohonan kepada selain Allah supaya memberikan syafaat sebagaimana seorang menteri menjadi pemberi syafaat di sisi rajanya bagi memperolehi habuan dunia atau selainnya sepatutnya dipohon kepada Allah terlebih dahulu. Dia yang memberi keizinan kepada pemberi syafaat untuk memberikan syafaat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.¹⁵⁰

al-Syeikh Sulayman menjawab dakwaan golongan penentang bahawa menuntut syafaat kepada orang yang sudah mati bukan bermakna beribadat kepadanya. Ia hanya suatu permohonan kepada mereka untuk memberikan syafaat. Beliau berkata:

¹⁵⁰ *Taysir al-'Aziz al-Hamid*, hlm. 273-274.

Sekiranya engkau berkata: Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menghukum sebagai perbuatan syirik kepada sesiapa yang menyembah pemberi syafaat. Adapun terhadap sesiapa yang memohon supaya mereka memberikan syafaat ia bukan bermaksud menyembahnya. Oleh itu ia bukan merupakan perbuatan syirik.

Jawapannya: Memohon kepada pemberi syafaat (tanpa keizinan Allah) melazimkan kepada perbuatan syirik. Manakala perbuatan syirik melazimkan seseorang melakukan perkara ini sama ada dikehendaki ataupun tidak. Persoalan ini hakikatnya muncul dari minda kaum musyrikin sahaja. Ini kerana permohonan (doa) merupakan perkara ibadat bahkan otak kepada ibadat. Oleh itu jika permohonan dilakukan kepada selain Allah, maka ia menyamai menyembahnya serta mensyirikkan Allah sama ada dikehendaki ataupun tidak.¹⁵¹

al-Syeikh Sulayman ketika menyingkapkan perkaitan antara mengambil pemberi syafaat selain Allah dengan penghinaan terhadap kesucian, keagungan serta mengurangi hak kerububiyahan-Nya serta sangkaan buruk (*su' al-zhan*) terhadap-Nya berkata:

Secara realiti, mengambil pemberi syafaat (selain Allah atau selain yang diizinkan-Nya - penterjemah) melambangkan pemikiran yang salah terhadap Tuhan sekalian alam. Individu yang melakukan

¹⁵¹ *Taysir al-'Aziz al-Hamid*, hlm. 276.

perbuatan ini sama ada terlintas di fikirannya Allah memerlukan kepada pembantu atau penolong bagi mengurus pentadbiran alam ini.

Ia merupakan penghinaan terbesar terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang tidak memerlukan sesuatu yang lain selain diri-Nya manakala selain-Nya amat berharap serta bergantung kepada-Nya.

Ataupun terlintas di fikirannya kekuasaan Allah hanya sempurna menerusi kuasa pemberi syafaat ataupun dia mungkin berfikir Allah tidak melakukan sesuatu sehinggalah si pemberi syafaat memberitahu-Nya terlebih dahulu tentang sesuatu ataupun Allah tidak merahmati melainkan setelah si pemberi syafaat merahmati ataupun Allah tidak memperkenankan doa para hamba-Nya sehinggalah mereka memohon terlebih dahulu kepada si pemberi syafaat.

Hakikatnya perkara ini adalah sumber kepada perbuatan syirik. Keseluruhannya merupakan penghinaan serta pengurangan terhadap hak Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perkara ini diperjelaskan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi firman-Nya yang berbunyi

Dan mereka menyembah yang lain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: mereka (yang kami sembah itu) ialah

pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah.

Katakanlah: Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Dia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya?) Maha suci Allah dan tertinggi keadaan-Nya dari apa yang mereka sekutukan. [Yunus 10:18]¹⁵²

Seterus al-Syeikh Sulayman memperjelaskan hakikat syafaat sebagai berikut:

Secara realiti, Allah mengurniakan syafaat kepada golongan yang ikhlas. Dia mengampuni mereka menerusi perantaraan permohonan sesiapa yang diizinkan-Nya untuk memberikan syafaat. Ia suatu kemuliaan kepada dirinya sehingga memperoleh kedudukan yang terpuji. Ini merupakan hakikat syafaat yang sebenar.

Ia bukan sebagaimana sangkaan golongan musyrikin serta jahil yang beranggapan syafaat merupakan hak pemberi syafaat untuk mengurniakannya kepada sesiapa yang dikehendakinya, memasukkannya ke dalam syurga serta menghalangnya dari azab neraka tanpa mendapat keizinan Allah terlebih dahulu. Oleh yang demikian, golongan ini memohon kepada orang yang sudah mati ataupun menziarahi kubur mereka bagi

¹⁵² *Taysir al-'Aziz al-Hamid*, hlm. 275-276.

memohon syafaat.¹⁵³

Ketujuh: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menyatakan tegahan memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah kewafatan baginda sama ada berasaskan dalil *naqli* (nas) mahupun *aqli* (akal), beliau berkata:

Dalil berasaskan kebenaran akal yang berpegang teguh dengan kesepakatan nas di mana keselamatan, kejayaan, kegembiraan serta selainnya tidak dapat diperolehi melainkan dengan bertawajjuh kepada Allah yang Maha Esa, ikhlas dalam permohonan serta memperlindungan diri kepada-Nya. Ini disebabkan segala kebaikan berada di Tangan-Nya. Sebaliknya makhluk tidak memiliki keseluruhan perkara ini. Ia sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang berbunyi:

(Yang lain dari Allah) tidak mempunyai sesuatupun walau senipis selaput biji kurma. [al-Fatir 35:13]

Dalam konteks ini, menyamatarafkan antara makhluk dengan Penciptanya menyalahi pemikiran akal yang sihat. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

Kalau yang demikian, adakah Allah yang

¹⁵³ *Taysir al-'Aziz al-Hamid*, hlm. 295 secara ringkas..

menciptakan semuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? [al-Nahl 16:17]

Kepada-Nya segala penciptaan dan urusan terhadap sesuatu. Keseluruhan makhluk tidak memiliki apa-apa di sisi-Nya. Oleh itu, Dialah yang dijadikan tempat permohonan, pengharapan serta keinginan.¹⁵⁴

al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan ketika menyatakan pembohongan dakwaan bahawa memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* disepakati kaum muslimin berkata:

Allahu Akbar! Tidak ada pembohongan yang lebih besar terhadap Allah, kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, *al-salaf al-Soleh*, imam empat madzhab selain ini. Betapa berani dia menyatakan hal demikian. Menyatakan sesuatu yang ditegah melakukannya kerana melibatkan permohonan kepada selain Allah sebagai sesuatu yang disepakati umat Islam.¹⁵⁵

Beliau turut menyatakan celaan mengambil pemberi syafaat selain Allah dengan berkata:

Tidak ada sebarang keraguan, *bertawajjuh* kepada pemberi syafaat dengan hati serta pengucapan lidah menyalahi kesejahteraan hati yang Allah sahaja tempat tumpuannya. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

¹⁵⁴ *al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 253.

¹⁵⁵ *al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 82.

berfirman:

Dan berilah amaran dengan al-Qur'an itu kepada orang-orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (pada hari kiamat), (padahal) tiada bagi mereka pelindung dan tidak juga pemberi syafaat yang lain dari Allah, supaya mereka bertaqwa. [al-'An'am 6:51]

Allah menyatakan kepada kita, bahawa peringatan al-Qur'an tidak bermanfaat kecuali terhadap sesiapa yang hatinya kosong dari pemberi syafaat ketika melakukan amal salih. Hanya kepada Allah jua tempat pengharapan dan permohonan serta kepadanya kembali segala urusan.¹⁵⁶

Beliau seterusnya menyatakan:

Tidak ada sebarang keraguan bahawa mencari syafaat kepada orang yang sudah mati melibatkan beberapa aspek peribadatan seperti berikut: seseorang memohon kepada selain Allah, menyatakan hajat kepada selain Allah, meletakkan pengharapan dan aspirasi kepada selain Allah. Ini dilakukan dengan penumpuan hati, wajah, anggota badan dan lidah pengucapan. Ini merupakan perbuatan syirik yang tidak diampuni Allah.¹⁵⁷

¹⁵⁶ *al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 86.

¹⁵⁷ *al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 90; lihat hasil penulisan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan berkaitan mengambil pensyafaat boleh

Ketika menyatakan apa yang dimaksudkan memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* ketika hayat baginda, beliau berkata:

Apa yang dikehendaki dengan memohon syafaat kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ialah permohonan (doa) baginda. Ia tidak dikhususkan kepada baginda sahaja bahkan keseluruhan para salihin yang diharapkan doa mereka diperkenankan Allah. Tidak mengapa memohon doa daripada mereka. Ia sama ada berkait tuntutan khusus mahupun perkara umum.¹⁵⁸

Kelapan: al-Syeikh Abu Buthayn.

Beliau membezakan antara memohon kepada pemberi syafaat untuk memberikan syafaat dengan memohon kepadanya untuk menunaikan keperluan. al-Qur'an turut membezakan kedua perkara ini. Beliau berkata seperti berikut:

al-Qur'an membezakan antara keduanya sebagaimana firman Allah dalam surah Yasin

Patutkah aku menyembah beberapa Tuhan yang lain dari Allah? (Sudah tentu tidak patut kerana) jika Allah yang Maha Pemurah hendak

menjatuhkan seseorang itu ke lembah syirik di dalam *Majmu'ah al-Rasail wa al-Masail*, Jil. 2, hlm. 34.

¹⁵⁸ *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tauhid*, hlm. 504.

menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku.
[Yasin 36:23]

Ternyata di sini, keselamatan diperoleh menerusi bantuan serta gambaran yang dapat dilihat dengan nyata, manakala syafaat adalah menerusi *Jah* (kedudukan) serta status (diberikan secara yang tidak dapat dilihat -penterjemah).¹⁵⁹

Beliau turut memperjelaskan kekeliruan terhadap kenyataan yang menyatakan Allah secara mutlak menyerahkan perkara syafaat sebagai hak milik golongan mukmin. Ia seperti berikut:

Kenyataan mengatakan Allah secara mutlak menyerahkan perkara syafaat sebagai hak milik golongan mukmin adalah tidak benar. Hakikatnya syafaat merupakan hak milik Allah yang Maha Esa. Ini sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

Katakanlah: Syafaat itu kesemuanya kepunyaan Allah. [al-Zumar 39:44]

Allah menjelaskan bahawa syafaat adalah dengan izin-Nya. Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* turut memberitahu bahawa para *anbiyd* serta salihin dapat memberikan syafaat.

¹⁵⁹ *Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 34.

Adakah disebabkan perkara ini, sesiapa yang diizinkan Allah untuk memberi syafaat boleh dikatakan dia pemilik kepada syafaat hanya berasaskan alasan telah mendapat keizinan Allah?

Hakikatnya tidak boleh mengatakan demikian. Ini disebabkan pemilikan tersebut bergantung kepada keizinan serta keredhaan Allah bukan pemilikan secara mutlak sebagaimana yang disangka individu yang sesat ini (merujuk kepada Dawud Ibn Jurjis).

Ini terbukti di mana penghulu kepada pemberi syafaat iaitu Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* tidak memberikan syafaat melainkan setelah dikatakan kepadanya:

"Angkatkanlah kepalamu, katakanlah, ia akan didengari; mintalah, ia akan diberikan kepadamu; mintalah syafaat, ia akan dikurniakan kepadamu."¹⁶⁰

Kesembilan: al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Ketika menetapkan persamaan antara sesiapa yang memohon syafaat kepada para salihin yang telah meninggal dunia dengan perbuatan golongan kristian, beliau berkata:

Jika dia mengatakan: "Wahai hamba Allah

¹⁶⁰ *Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 82.

syafaatilah diriku ini”, maka individu ini melakukan perbuatan yang diharamkan. Perbuatan memohon syafaat sebegini menyamai perbuatan golongan kristian yang mengatakan:

“Wahai bonda Maria, syafaatilah diri kami kepada Tuhan”.

Kaum muslimin bersepakat perbuatan ini syirik hukumnya. Sekiranya permohonan ini dengan keyakinan ia dapat memberi bekas terhadap permohonannya selain Allah, maka terlebih besar serta dahsyat kesannya.¹⁶¹

Kesepuluh: al-Hazami.

Ketika menetapkan syarat keizinan kepada pemberi syafaat untuk memberikan syafaat, beliau berkata seperti berikut:

Adapun terhadap *al-syafaat*, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman yang bermaksud:

Siapakah yang dapat memberikan syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya? [al-Baqarah 2:255]

Sehubungan ini, Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* tidak memberikan syafaat di hari akhirat kelak sehingga diizinkan Allah kepada baginda berbuat demikian. Namun golongan yang meyakini kepada

¹⁶¹ *al-Barahin al-Islamiyyah*, helaian 49.

makhluk, membina kubur dengan segala macam jenis perhiasan antik dan menarik serta menyembelih di persekitaran kubur, tidak diketahui adakah mereka ini dapat memperoleh syafaat ataupun tidak. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman yang berbunyi:

Patutkah mereka mengambil yang lain dari Allah menjadi pemberi syafaat? Bertanyalah (kepada mereka): dapatkah yang lain dari Allah memberi syafaat padahal semuanya tidak berkuasa sedikitpun dan tidak pula mengerti (sebarang apapun)? [al-Zumar 39:43]

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman berkenaan para malaikat-Nya yang berbunyi:

Dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah. [al-Anbiya' 21:28]

Apabila Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* berkata kepada malaikat Jibril *'alayh al-salam*: "***Apakah yang menegah anda turun kepada kami lebih kerap daripada biasa?***" Jibril menjawab: "***Kami tidak turun melainkan dengan perintah Tuhan-mu.***"¹⁶²

Sekiranya malaikat Jibril *'alayh al-salam* turun ke dunia untuk menziarahi sebaik-baik kejadian tidak melakukan sedemikian melainkan atas titah perintah *Dzul Jalali wal Ikram*, bagaimana mungkin boleh dipohon

¹⁶² Hadis riwayat al-Bukhari.

kepada penghuni kubur sesuatu sedangkan ia sendiri bukan seorang Nabi yang menerima wahyu?¹⁶³

Kesebelas: al-Syeikh Salih al-Syutri.

Ketika menyatakan kebatilan perbuatan yang dilakukan golongan bid'ah, beliau berkata:

Kami apabila menziarahi jenazah, memohon doa untuknya bukan memohon doa dengan dzatnya, memohon syafaat untuknya bukan memohon syafaat dengan dzatnya. Namun golongan yang terlibat dengan perbuatan syirik serta bid'ah menukar kaedah pemohonan dengan memohon doa serta syafaat menerusi dzat si mati.¹⁶⁴

Keduabelas: al-Sahsawani.

Ketika menyatakan penolakan terhadap Ahmad Zaini Dahlan, beliau berkata seperti berikut:

Keseluruhan kenyataan memohon syafaat kepada Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* ketika hayat baginda benar tanpa sebarang keraguan. Begitu juga memohon syafaat kepada baginda di hari akhirat nanti. Perkara ini tidak dinafikan sesiapaupun.¹⁶⁵

¹⁶³ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 19.

¹⁶⁴ *Ta'yid al-Mulk al-Manan*, helaian 15.

¹⁶⁵ *Siyannah al-Insan*, hlm. 363.

Ketigabelas: al-Syeikh Ahmad bin 'Isa.

Ketika memperjelaskan perbuatan memohon syafaat kepada selain Allah di kalangan orang yang sudah mati sebagai syirik besar, beliau berkata:

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberitahu bahawa keseluruhan syafaat merupakan hak milik-Nya. Sesiapa menuntutnya selain dari Allah, dia menuntutnya kepada sesiapa yang tidak memilikinya, tidak mendengar serta tidak memperkenankan permohonan di waktu mana sekalipun.

Kepada sesiapa yang diizinkan-Nya untuk memberi syafaat, ia dilakukan terhadap individu yang mendapat keredhaan Allah. Oleh yang demikian menuntut syafaat kepada selain-Nya ialah syirik besar hukumnya.

Sesiapa meneliti isi kandungan al-Qur'an, dia akan memahami bahawa syafaat tidak akan diperolehi melainkan oleh individu yang ikhlas amalannya kepada Allah serta berpegang teguh dengan ajaran Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Allah tidak menerima sesuatu amalan yang dilakukan hamba-Nya melainkan dengan ikhlas.¹⁶⁶

¹⁶⁶ *al-Radd 'ala Syubhat al-Musta'iniyyin bi Ghairillah*, hlm. 45.

Keempatbelas: al-Syeikh Ibn Sahman.

Ketika menolak pandangan al-Zahawi berhubung hukum memohon syafaat kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* setelah kewafatan baginda, beliau berkata:

Dia mengatakan golongan wahabi menentang memohon syafaat kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* dengan menganggapnya perbuatan kufur. Ini walaupun merupakan perkara yang disepakati umat Islam keharusannya.

Kenyataanku: Sekiranya apa yang dikehendaki dengan memohon syafaat kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* adalah ungkapan seperti berikut:

"Ya Allah! Daku memohon kepada-Mu dengan Jah (kedudukan) Muhammad atau dengan haknya atau kehormatannya."

Maka ini merupakan perbuatan bid'ah yang diharamkan namun golongan wahabi tidak mengkafirkan walau seorangpun yang menyebutkan ungkapan ini.

Sebaliknya jika apa yang dikehendaki dengan memohon syafaat kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ialah memohon serta *beristigoshah* kepada baginda menerusi ungkapan seperti berikut:

"Ya Rasulullah! Tolongilah daku", atau memohon kepada baginda dalam perkara yang hanya Allah sahaja

yang dapat memperkenankannya, bertawakal kepadanya, serta memperlindungan diri kepadanya bagi menghapuskan dukacita, maka pelakunya menjadi kafir.

Ini sebagaimana kenyataan kitab fekah terkenal madzhab Hambali iaitu *al-Iqna'*. Adapun dakwaan al-Zahawi bahawa wujud persepakatan kaum muslimin dalam perkara memohon syafaat kepada baginda setelah kewafatannya hanya merupakan dakwaan sahaja. Ia mungkin benar jika merujuk kepada persepakatan kalangan pencinta kubur ataupun golongan yang bukan Islam sahaja.¹⁶⁷

Kelimabelas: Persepakatan ulama' Mekah dan Najd.

Ia berdasarkan kenyataan kitab *al-Bayan al-Mufid* seperti berikut:

Kami meyakini bahawa *al-syafaat* keseluruhannya milik Allah yang Maha Esa. Ia tidak terjadi melainkan terhadap sesiapa yang diizinkan-Nya. Ini sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

Dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah. [al-Anbiya 21:28]

Allah tidak meredhai melainkan sesiapa yang mengikuti Rasul-Nya. Oleh itu mohonlah kepada Allah pemilik kepada keseluruhan syafaat. Sehubungan ini kami

¹⁶⁷ *al-Diyaaq al-Syariq*, hlm. 156.

mengatakan: "Ya Allah! Izinkan baginda memberi syafaat kepada kami" namun kami tidak mengatakan: "Ya Rasulullah! Berikanlah syafaat kepada kami." Ungkapan sebegini tidak termaktub di dalam al-Qur'an, al-Sunnah, amalan *salaf al-soleh* atau perbuatan kaum muslimin yang teguh keimanannya.

Kami turut berlepas diri dari mengambil perantaraan bagi mendekatkan diri kepada Allah atau memohon syafaat kepadanya. Sehubungan ini Allah berfirman yang bermaksud:

Dan mereka menyembah yang lain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah.

[Yunus 10:18]

Keenambelas: al-Qasimi.

Beliau menjelaskan perbuatan memohon syafaat kepada orang yang sudah mati sebagai berikut:

Golongan yang memohon syafaat kepada orang yang sudah mati semestinya meyakini si mati dapat memberikan syafaat menerusi kesempurnaan pendengaran serta kesedarannya terhadap perkara ghaib yang secara hakiki Allah sahaja yang

mengetahuinya.

Semestinya mereka juga meyakini orang yang sudah mati mengetahui keadaan orang yang tidak hadir sama ada dekat mahupun jauh. Oleh yang demikian golongan ini memohon kepada seorang Nabi atau wali dalam waktu tertentu di tempat yang berbeza serta penggunaan bahasa serta permohonan hajat yang berbeza. Tidak syak kepada mereka bahawa Nabi atau wali tersebut mendengar serta memahami segala permohonan mereka sama ada dalam bentuk doa atau memohon syafaat.

Betapa batil serta rosak binasa keyakinan sebegini jika pelakunya meyakini ia tidak menjejaskan langsung kedudukan Tuhan sekalian alam.¹⁶⁸

al-Qasimi menambah:

Tidak mungkin untuk dikatakan golongan musyrikin yang memohon syafaat kepada pemberi syafaat meyakini mereka menyamai Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sama ada dari sudut kekuasaan mahupun mentadbirkan alam. Ini disebabkan golongan musyrikin meyakini Allah sahaja sebagai Pencipta kepada makhluk, sekalian alam, patung berhala serta Pencipta kepada pemberi syafaat mereka. Golongan musyrikin turut meyakini patung berhala yang bertindak sebagai pemberi

¹⁶⁸ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 2, hlm. 212 secara ringkas.

syafaat kepada mereka serta segala sesuatu yang lain tetap tunduk patuh kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Oleh yang demikian, apabila mereka menjadikan patung berhala sebagai pemberi syafaat di sisi Allah, mereka mengatakan ia hanya bertujuan mendekatkan diri mereka kepada-Nya dengan sedekat-dekatnya. Mereka mengatakan:

Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah. [Yunus 10:18]

Berdasarkan kenyataan ini, ternyata golongan yang memohon syafaat kepada orang yang sudah mati, menyamai perbuatan golongan musyrikin yang menjadikan patung berhala mereka sebagai pemberi syafaat serta perantaraan di sisi Allah. Ini bagi mendekatkan diri mereka kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.

Mengharuskan perbuatan memohon syafaat kepada orang yang sudah mati melibatkan pengharusan pelbagai perkara yang diharamkan Islam. Sudah pasti kubur si mati dijadikan tempat beri'tikaf, tempat dikelilingi laksana menunaikan tawaf serta penerimaan pengunjung dari seluruh pelusuk tempat sehingga kubur simati dijadikan tempat tumpuan.¹⁶⁹

al-Qasimi ketika membantah dakwaan al-'Amili

¹⁶⁹ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 2, hlm. 288 secara ringkas.

yang mengatakan oleh sebab Allah mengurniakan syafaat kepada para salihin, tidak ada tegahan memohon kepada mereka dalam perkara yang dikurniakan kepada mereka:

Terhadap sesiapa yang mengatakan oleh sebab Allah mengurniakan sesuatu kepada seseorang maka diharuskan menuntut sesuatu kepada mereka. Di manakah dalil atau bukti kenyataan ini? Adakah diharuskan memohon kepada orang kaya harta benda serta segala sesuatu yang dikurniakan Allah kepada mereka? Adakah diharuskan bagi setiap kaum muslimin memohon kepada sekalian makhluk sesuatu yang dikurniakan Allah kepada mereka sama ada berbentuk harta benda atau sebagainya berasaskan hujah Allah mengurniakan perkara tersebut kepada mereka? Hakikatnya menuntut sesuatu hak tidak berlaku menerusi kaedah yang batil.¹⁷⁰

Ketujuhbelas: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah bin Baz.

Kami mengakhiri perbincangan ini dengan mengemukakan kenyataan al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah bin Baz. Beliau pernah ditanya: "Adakah golongan wahabi mengingkari syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*?" Jawapan beliau:

¹⁷⁰ *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 2, hlm. 301.

Tidak tersembunyi kepada setiap orang yang berakal yang mempelajari perjalanan hidup al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya bahawa mereka berlepas diri dari kenyataan ini. Hakikatnya, al-Syeikh al-Imam *rahimahullah* menerusi hasil penulisannya seperti *Kitab al-Tauhid* dan *Kasyf al-Syubhat* menetapkan syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* terhadap umat baginda di hari akhirat nanti.

Berdasarkan fakta ini, ternyata al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya tidak mengingkari syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta selain baginda di kalangan para *anbiya'*, malaikat serta golongan mukmin. Sebaliknya, mereka menetapkan perkara ini sebagaimana yang ditetapkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* serta Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Perkara ini menjadi ketetapan *al-salaf al-soleh* yang berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, jelas kepada kita pegangan al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya yang sama sekali tidak mengingkari syafaat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Sebaliknya apa yang diingkari mereka ialah memohon syafaat kepada orang yang sudah mati.¹⁷¹

¹⁷¹ *Majallah al-Buhuth al-'Ilmiyyah*, bilangan (9), hlm. 323.

Penterjemah: Sehingga sini tamatlah Buku 4 yang merupakan terjemahan dari kitab asal hingga mukasurat 300. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengurniakan kekuatan serta kemudahan kepada saya untuk menyambung usaha terjemahan ini dan diterbitkan dalam

Buku 5.

146